MODUL PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

# KUASAI PBD

TINGKATAN 5

KSSM

# BAHASA MELAYU

KHAS UNTUK **GURU**

Mempermudah Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)

Melancarkan Pentaksiran Formatif dan Sumatif



Menyokong Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) Mesra Digital

Meningkatkan Tahap Penguasaan Murid



## PAKEJ PERCUMA UNTUK KEMUDAHAN GURU

### EDISI GURU

VERSI CETAK

- Nota
- Praktis PBD
- Praktis SPM
- Nota Grafik KOMSAS
- Kertas Model SPM
- Jawapan
- Bahan Digital

### RESOS DIGITAL GURU

ePelangi+

Pelbagai bahan digital sokongan PdPc yang disediakan khas untuk guru di platform ePelangi+

EG-i + BAHAN SOKONGAN PdPc EKSTRA!




Edisi Guru




Edisi Murid

# EDISI GURU (versi cetak)

## A Kandungan

Kandungan disertakan rujukan bahan-bahan digital sokongan dalam buku.



KANDUNGAN


Rekod Pentaksiran Murid Bahasa Melayu Tingkatan 5 v – viii
TEMA 1 Anda Bersih, Anda Sihat 1
TEMA 2 Sukan dan Rekreasi 5
TEMA 3 Kerjaya Meniti Jaya 9
TEMA 4 Bersatu Kita Teguh 13
TEMA 5 Pendidikan untuk Semua 16
TEMA 6 Sains, Teknologi dan Inovasi 20
TEMA 7 Pertanian, Penternakan dan Perikanan 24
TEMA 8 Melancong Mencari Makna 27
TEMA 9 Ekonomi, Keusahawanan dan Pengurusan Kewangan 29
TEMA 10 Alam Sekitar dan Teknologi Hijau 33
TEMA 11 Dunia Selamat Milik Kita 36
TEMA 12 Kebudayaan, Kesenian dan Estetika 39
TEMA 13 Jati Diri, Warganegara Patriotik 42
TEMA 14 Citra Bahasa dan Sastera Kita 44
TEMA 15 Industri Cemerlang, Negara Gemilang 47
TEMA 16 Integriti 49


iii

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## B Rekod Pentaksiran Murid

Jadual untuk catatan prestasi Tahap Penguasaan murid.



Rekod Pentaksiran Murid

Bahasa Melayu Tingkatan 5

Nama: Tingkatan:

| Unit | Kemahiran | Standard Pembelajaran | Tahap Penguasaan |
|---|---|---|---|
| 1 Anda Bersih, Anda Sihat | Mendengar dan Bertutur | 1.1.1 Mendengar, mengenal, menyebut dan mengenal pasti perbezaan makna dan fungsi perkataan, rangkai kata, istilah dan ungkapan dalam pelbagai jenis komunikasi lisan dengan jelas dan betul. | |
| | Membaca | 2.1.1 Membaca pelbagai jenis teks untuk mengenal pasti dan membandingkan intonasi serta nada yang sesuai. | |
| | Menulis | 3.1.1 Menulis untuk menjelaskan maksud ayat dalam sesuatu petikan dengan betul mengikut konteks. | |
| | Aspek Seni Bahasa | 4.1.1 Memahami dan mengapresiasi untuk menghubung kait aspek yang menarik dalam prosa moden dan prosa tradisional. | |
| 2 Sukan dan Rekreasi | Mendengar dan Bertutur | 1.1.2 Mendengar, memahami dan menuturkan ayat dalam pelbagai jenis komunikasi lisan dengan betul. | |
| | Membaca | 2.1.2 Membaca petikan prosa dan puisi dengan intonasi yang betul dan nada yang sesuai berdasarkan situasi. | |
| | Menulis | 3.2.1 Menulis untuk membuat justifikasi berdasarkan penilaian sesuatu perkara dengan menggunakan ayat yang gramatis. | |
| | Aspek Tatabahasa | 5.1.1 Mengaplikasi bentuk kata tunggal dan kata majmuk dalam pelbagai laras bahasa dengan betul mengikut konteks. | |
| 3 Kerjaya Meniti Jaya | Mendengar dan Bertutur | 1.2.1 Mendengar dan memberikan respons dalam pelbagai jenis ayat tanpa mengubah maksud konteks ayat. | |
| | Membaca | 2.2.1 Membaca untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan maklumat daripada bahan dan sumber yang berbeza dengan betul menggunakan pelbagai teknik bacaan. | |
| | Menulis | 3.3.1 Menulis untuk melengkapkan maklumat dengan membuat pertimbangan yang relevan dalam pelbagai bahan. | |
| | Aspek Seni Bahasa | 4.1.2 Memahami dan mengapresiasi untuk menghubung kait aspek yang menarik dalam puisi moden dan puisi tradisional. | |
| 4 Bersatu Kita Teguh | Mendengar dan Bertutur | 1.3.1 Mendengar dan menghubungkaitkan maklumat daripada pengetahuan sedia ada dengan fakta baharu secara betul, tepat dan bermakna. | |
| | Menulis | 3.4.1 Menulis kerangka karangan dengan menyusun dan menganalisis isi penting secara terancang. | |
| | Aspek Tatabahasa | 5.1.2 Mengaplikasi pelbagai kata terbitan dalam pelbagai laras bahasa dengan betul mengikut konteks. | |

v

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## C Nota

Nota mudah dan ringkas sebagai penerangan dan pendahuluan sesuatu topik.



PRAKTIS SPM 1

ePP+ Peta Konsep Penulisan

PENULISAN

Karangan Respons Terhad

Video Tutorial — Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan

KUASAI Nota Pintas

| | |
|---|---|
| Soalan | Kertas SPM 1103/1 Bahasa Melayu Bahagian A |
| Kriteria | • Murid perlu menulis karangan dengan menghuraikan pendapat berdasarkan kombinasi kepelbagaian bahan rangsangan yang terdapat dalam kertas soalan.<br>• Kebiasaannya terdapat dua atau tiga jenis bahan rangsangan yang meliputi tema yang sama berdasarkan keperluan dan kehendak soalan.<br>• Secara umumnya, kombinasi soalan boleh dipilih daripada akhbar, e-mel, teks, poster, petikan, gambar atau ilustrasi, gambar rajah, jadual, peta, pelan, iklan, dialog berilustrasikan kartun, dan sebagainya.<br>• Bahan-bahan ini perlu dianalisis. Setiap bahan perlu dirumuskan maksud dan mesej yang hendak disampaikan.<br>• Panjang karangan perlu ditulis antara 150 hingga 200 patah perkataan. |
| Markah | 26 – 30 Cemerlang<br>22 – 25 Kepujian<br>20 – 21 Baik<br>15 – 19 Memuaskan<br>10 – 14 Kurang Memuaskan<br>1 – 9 Penguasaan Minimum<br>Markah penuh: 30 markah |
| Masa | Kurang daripada 30 minit |

**Panduan Menjawab Soalan**

1. Murid hendaklah membaca arahan soalan yang diberikan dengan telitinya. Kenal pasti tema atau isu yang dibincangkan daripada petikan soalan.
2. Fahami tajuk dan bahan rangsangan yang berikan dalam soalan berkenaan.
3. Kemudian, analisis bahan-bahan tersebut secara kritis dengan mengolah bahan rangsangan bagi mendapatkan isi yang bersesuaian dengan tema soalan.
4. Jangan salin kesemua perkataan yang terdapat dalam bahan rangsangan. Analisis dan hasilkan olahan sendiri ya bersesuaian dengan maklumat penting yang hendak disampaikan dalam bahan berkenaan.
5. Untuk mendapatkan markah cemerlang, murid perlu menyentuh maklumat penting yang hendak disampaikan dala kesemua bahan rangsangan yang diberikan.
6. Murid yang tidak menggunakan kesemua bahan rangsangan, tidak akan memperoleh markah cemerlang kecu melibatkan bahan rangsangan berbentuk pilihan karangan jenis resume.
7. Murid digalakkan untuk menghasilkan rangka terlebih dahulu sebelum memulakan penulisan.
8. Cadangan rangka dan jumlah perkataan bagi karangan bahan rangsangan adalah seperti yang berikut.

| Perenggan | Bahagian | Jumlah perkataan |
|---|---|---|
| Perenggan 1 | Pendahuluan | 40 |
| Perenggan 2 | Isi 1 | 50 – 60 |
| Perenggan 3 | Isi 2 | 50 – 60 |
| Perenggan 4 | Penutup | 40 |

9. Perenggan pendahuluan mengandungi isu yang disampaikan secara umum (dengan menganalisis bahan rangsangan).
10. Murid dicadangkan untuk mengolah isi dengan memberikan ayat topik, huraian, contoh, dan penegasan. Setiap perenggan perlu dibina dengan menggunakan bahasa yang gramatis, kosa kata yang betul, dan mempunyai koheren bagi setiap isi yang hendak disampaikan.

54



# Praktis PBD » Pentaksiran Berterusan




1. Soalan latihan formatif dirangka jelas mengikut Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) sejajar dengan halaman buku teks.
2. Soalan dikriteriakan mengikut kemahiran yang terdapat dalam buku teks.
3. Tahap Penguasaan (TP) murid boleh dinilai di akhir setiap halaman. Tahap Penguasaan yang boleh dicapai oleh murid ialah TP1 hingga TP6.
4. Bahan digital lain seperti Audio, Info,Video, dan Video Tutorial disediakan untuk meningkatkan keseronokan pembelajaran Bahasa Melayu.




5. **Cetus Idea** mengemukakan info tambahan dalam bentuk audio untuk membantu murid menjawab soalan dengan lebih berkesan.
6. **Aktiviti PAK-21** disertakan untuk menyempurnakan PdPc.
7. **Pendidikan Sivik** merupakan aktiviti yang menerapkan empat nilai teras, iaitu kasih sayang, kegembiraan, bertanggungjawab, dan hormat-menghormati.
8. **POT** (Pelangi Online Test) menggalakkan murid untuk membanyakkan latihan soalan objektif yang berpiawai SPM secara dalam talian. Ikon POT berserta *Enrolment Key* boleh didapati di halaman tertentu.





## F Praktis SPM

1. Soalan latihan mengikut bahagian/topik ini memberikan pendedahan awal kepada murid untuk menguasai format SPM sebenar.
2. **Tip** diberikan untuk memperkukuh pemahaman murid sebelum menjawab soalan.




## G Nota Grafik KOMSAS

Nota KOMSAS dalam bentuk grafik disediakan pada halaman Kandungan.




## CARA MENGAKSES

Eksklusif!
POT PELANGI ONLINE TEST

(Portal Ujian Soalan Objektif)

1. Imbas kod QR atau layari link di kulit depan buku untuk *Create new account.*
2. Semak e-mel untuk mengaktifkan akaun.
3. *Log in* ke akaun anda.
4. Masukkan *Enrolment Key.*
5. Mulakan ujian!



## H Kertas Model SPM » Pentaksiran Sumatif

Soalan penilaian (dalam kod QR) yang mengikut format SPM disediakan pada halaman Kandungan.




## I Jawapan

Jawapan keseluruhan buku (dalam kod QR) disediakan pada halaman Kandungan.



# RESOS DIGITAL GURU ePelangi+

Di platform ePelangi+, guru yang menerima guna (*adoption*) siri Kuasai PBD KSSM diberi akses kepada EG-i dan bahan sokongan ekstra PdPc untuk tempoh satu tahun:

## 1 Apakah itu EG-i?

EG-i merupakan versi digital dan interaktif Edisi Guru Kuasai PBD secara dalam talian. Versi ini akan dapat mengoptimumkan penggunaan teknologi dalam pengajaran, memaksimumkan kesan PdPc, dan membangunkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan serta responsif dalam kalangan murid.




## Halaman Contoh EG-i




Klik Kod QR untuk mengakses bahan dalam kod QR seperti Cetus Idea (audio), Video, Video Tutorial, Info, Audio, PAK-21, dan Kertas Model SPM.

Pilih paparan halaman (single/double page) dan bahasa antara muka melalui ***Setting***.

- Pen
- Sticky Note
- Unit Converter
- Ruler
- Calculator
- Bookmark

Klik butang JAWAPAN untuk memaparkan atau melenyapkan jawapan (*hidden*) semasa penyampaian PdPc.

## 2 BAHAN SOKONGAN PdPc EKSTRA!

Bahan-bahan pengajaran dan latihan di platform ePelangi+ boleh dimuat turun.

**Bahan pengajaran**

- e-RPH (Microsoft Word)
- Edisi Guru pdf
- Powerpoint Interaktif
- Peta Konsep
- Nota
- Modul Pendidikan Sivik
- Modul PAK-21

**Bahan latihan**

- Praktis Ektra
- Bank Soalan SPM
- Kertas Model SPM

Boleh dimuat turun



**Bahan sokongan PdPc ekstra** yang sesuai dicadangkan pada halaman atau bahagian tertentu Edisi Guru melalui penandaan ikon ePt .

## CONTOH HALAMAN EDISI GURU DENGAN CADANGAN BAHAN SOKONGAN PDPC EKSTRA




ePt Peta Konsep

**Peta Konsep**

Kerangka bab berwarna dalam bentuk carta.







ePt Nota Visual

**Nota Visual**

Nota berwarna dalam persembahan grafik.






## Praktis Ekstra

Latihan pengukuhan mengikut tema.




## Bank Soalan SPM

Soalan berformat SPM mengikut topik




# ePelangi+

**Bagaimanakah saya dapat mengakses semua bahan di ePelangi+ ?**




## LANGKAH 1

### DAFTAR AKAUN

Bagi pengguna baharu ePelangi+, imbas kod QR di bawah atau layari plus.pelangibooks.com untuk *Create new account*.

**Semak e-mel dan klik pautan untuk mengaktifkan akaun.**

## LANGKAH 2

### *ENROLMENT*

*Log in* ke akaun ePelangi+. Pada halaman utama (*Home*), cari tajuk buku dalam *Secondary* [*Full Access*].

Masukkan *Enrolment Key* untuk *enrol*.

**Hubungi wakil Pelangi untuk mendapatkan *Enrolment Key*.**

## LANGKAH 3

### AKSES RESOS DIGITAL

Klik bahan untuk dimuat turun atau dimainkan.




*** Kontak wakil Pelangi boleh didapati di halaman EG-8.**

# HUBUNGI WAKIL PELANGI

## PERKHIDMATAN & SOKONGAN

| WAKIL | KAWASAN | HP & E-MEL |
|---|---|---|
| Lee Choo Kean | WP, Selangor, Pahang & Pantai Timur | 012-3293433 \| cklee@pelangibooks.com |
| Ken Lew Weng Hong | KL & Selangor | 012-7072733 \| kenlew@pelangibooks.com |
| Too Kok Onn | KL & Selangor | 012-3297633 \| tooko@pelangibooks.com |
| Woo Wen Jie | KL & Selangor | 019-3482987 \| woowj@pelangibooks.com |
| Lee Choo Kean | Pahang & Terengganu | 012-3293433 \| cklee@pelangibooks.com |
| Lee Choo Kean | Kelantan | 012-3293433 \| cklee@pelangibooks.com |
| John Loh Chin Oui | Utara Semenanjung | 012-4983343 \| lohco@pelangibooks.com |
| Eugene Wee Jing Cong | Perlis & Kedah | 012-4853343 \| euguenewee@pelangibooks.com |
| Ean Jia Yee | Pulau Pinang & Kulim | 012-4923343 \| eanjy@pelangibooks.com |
| Alan Hooi Wei Loon | Perak Utara | 012-5230133 \| hooiwl@pelangibooks.com |
| Ben Law Wai Pein | Perak Selatan | 019-6543257 \| benlaw@pelangibooks.com |
| Ray Lai Weng Huat | Selatan Semenanjung | 012-7998933 \| laiwh@pelangibooks.com |
| Jeff Low Eng Keong | Negeri Sembilan & Melaka | 010-2115460 \| lowek@pelangibooks.com |
| Ho Kuok Sing | Sabah & Sarawak (Sibu) | 012-8889433 \| kuoksing@pelangibooks.com |
| Fong Soon Hooi | Kuching | 012-8839633 \| fongsh@pelangibooks.com |
| Jason Yap Khen Vui | Sabah | 012-8886133 \| yapkv@pelangibooks.com |
| Kenny Shim Kian Nam | Sabah | 012-8899833 \| kennyshim@pelangibooks.com |

PELANGI Books Gallery

**GALERI PAMERAN ONSITE & ONLINE**

**Bangi**
Wisma Pelangi, Lot 8, Jalan P10/10,
Kawasan Perusahaan Bangi,
Bandar Baru Bangi, 43650 Bangi, Selangor.

**Johor Bahru**
66, Jalan Pingai, Taman Pelangi,
80400 Johor Bahru, Johor.

**E-MEL KHIDMAT PELANGGAN PELANGI**
service1@pelangibooks.com

**PRODUK, PROMOSI PERKHIDMATAN & PROGRAM PELANGI TERKINI**

Pelangibooks Academic | Pelangibooks | Pelangibooks | Pelangibooks

# KANDUNGAN


Rekod Pentaksiran Murid Bahasa Melayu Tingkatan 5 v – viii

TEMA 1 Anda Bersih, Anda Sihat 1
Praktis Audio PAK-21 Cetus idea

TEMA 2 Sukan dan Rekreasi 5
Praktis Nota Audio

TEMA 3 Kerjaya Meniti Jaya 9
Nota Praktis PAK-21 POT

TEMA 4 Bersatu Kita Teguh 13
Praktis Audio PAK-21

TEMA 5 Pendidikan untuk Semua 16
Nota Praktis Cetus idea

TEMA 6 Sains, Teknologi dan Inovasi 20
Nota Praktis POT

TEMA 7 Pertanian, Penternakan dan Perikanan 24
Praktis

TEMA 8 Melancong Mencari Makna 27
Praktis PAK-21 POT

TEMA 9 Ekonomi, Keusahawanan dan Pengurusan Kewangan 29
Praktis

TEMA 10 Alam Sekitar dan Teknologi Hijau 33
Praktis PAK-21

TEMA 11 Dunia Selamat Milik Kita 36
Praktis Cetus idea PAK-21

TEMA 12 Kebudayaan, Kesenian dan Estetika 39
Praktis Cetus idea PAK-21 POT

TEMA 13 Jati Diri, Warganegara Patriotik 42
Praktis Audio

TEMA 14 Citra Bahasa dan Sastera Kita 44
Praktis Audio Cetus idea Video POT

TEMA 15 Industri Cemerlang, Negara Gemilang 47
Praktis

TEMA 16 Integriti 49
Praktis Audio POT




© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# PRAKTIS SPM


## PRAKTIS SPM 1 54

Peta Konsep Nota Visual Tutorial Video

**PENULISAN 54**

**Karangan Respons Terhad** 54
- Kuasai Nota Pintas 54
- Model Karangan Respons Terhad 55
- Praktis 59

**Karangan Respons Terbuka** 66
- Kuasai Nota Pintas 66
- Model Karangan Respons Terbuka 68
- A Rencana 72
  - Kuasai Nota Pintas 72
  - Praktis 73
- B Pidato 77
  - Kuasai Nota Pintas 77
  - Praktis 78
- C Ceramah/Syarahan 82
  - Kuasai Nota Pintas 82
  - Praktis 83
- D Perbincangan/Pendapat 87
  - Kuasai Nota Pintas 87
  - Praktis 87

## PRAKTIS SPM 2 92

Peta Konsep Tutorial

**SISTEM DAN APLIKASI BAHASA 92**

- Kuasai Nota Pintas 92
- Morfologi 92
  - Kuasai Nota Pintas 92
  - Praktis 93
- Sintaksis 95
  - Kuasai Nota Pintas 95
  - Praktis 95
- Penyuntingan 97
  - Kuasai Nota Pintas 97
  - Praktis 97
- Bahasa Melayu Standard 100
  - Kuasai Nota Pintas 100
  - Praktis 101
- Peribahasa 103
  - Kuasai Nota Pintas 103
  - Praktis 103

## PRAKTIS SPM 3 105

Peta Konsep Tutorial

**PEMAHAMAN 105**

- Petikan Umum 105
  - Kuasai Nota Pintas 105
  - Praktis 106
- Petikan Sastera 113
  - Kuasai Nota Pintas 113
  - Praktis 113
- Novel 122
  - Kuasai Nota Pintas 122
  - Praktis 123

## PRAKTIS SPM 4 129

Peta Konsep Tutorial

**RUMUSAN 129**

- Kuasai Nota Pintas 129
- Praktis 129

## PRAKTIS SPM 5 138

Peta Konsep Audio

**LISAN 138**

- Lisan Bertutur 138
  - Kuasai Nota Pintas 138
  - Praktis 138
    - Bahagian A Individu 139
    - Bahagian B Kumpulan 151
- Lisan Mendengar 154
  - Kuasai Nota Pintas 154
  - Praktis 155


**Kertas Model SPM**
https://plus.pelangibooks.com/Resources/KuasaiPBD/BMT5/KertasModelSPM.pdf

**Jawapan**
https://plus.pelangibooks.com/Resources/KuasaiPBD/BMT5/Jawapan.pdf

**Nota Grafik KOMSAS**
https://plus.pelangibooks.com/Resources/KuasaiPBD/BMT5/NotaGrafikKOMSAS.pdf



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# Rekod Pentaksiran Murid

## Bahasa Melayu
Tingkatan 5

*Nama:* ______ *Tingkatan:* ______

| Unit | Kemahiran | Standard Pembelajaran | Tahap Penguasaan |
|---|---|---|---|
| **1** Anda Bersih, Anda Sihat | **Mendengar dan Bertutur** | **1.1.1** Mendengar, mengenal, menyebut dan mengenal pasti perbezaan makna dan fungsi perkataan, rangkai kata, istilah dan ungkapan dalam pelbagai jenis komunikasi lisan dengan jelas dan betul. | |
| | **Membaca** | **2.1.1** Membaca pelbagai jenis teks untuk mengenal pasti dan membandingkan intonasi serta nada yang sesuai. | |
| | **Menulis** | **3.1.1** Menulis untuk menjelaskan maksud ayat dalam sesuatu petikan dengan betul mengikut konteks. | |
| | **Aspek Seni Bahasa** | **4.1.1** Memahami dan mengapresiasi untuk menghubung kait aspek yang menarik dalam prosa moden dan prosa tradisional. | |
| **2** Sukan dan Rekreasi | **Mendengar dan Bertutur** | **1.1.2** Mendengar, memahami dan menuturkan ayat dalam pelbagai jenis komunikasi lisan dengan betul. | |
| | **Membaca** | **2.1.2** Membaca petikan prosa dan puisi dengan intonasi yang betul dan nada yang sesuai berdasarkan situasi. | |
| | **Menulis** | **3.2.1** Menulis untuk membuat justifikasi berdasarkan penilaian sesuatu perkara dengan menggunakan ayat yang gramatis. | |
| | **Aspek Tatabahasa** | **5.1.1** Mengaplikasi bentuk kata tunggal dan kata majmuk dalam pelbagai laras bahasa dengan betul mengikut konteks. | |
| **3** Kerjaya Meniti Jaya | **Mendengar dan Bertutur** | **1.2.1** Mendengar dan memberikan respons dalam pelbagai jenis ayat tanpa mengubah maksud konteks ayat. | |
| | **Membaca** | **2.2.1** Membaca untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan maklumat daripada bahan dan sumber yang berbeza dengan betul menggunakan pelbagai teknik bacaan. | |
| | **Menulis** | **3.3.1** Menulis untuk melengkapkan maklumat dengan membuat pertimbangan yang relevan dalam pelbagai bahan. | |
| | **Aspek Seni Bahasa** | **4.1.2** Memahami dan mengapresiasi untuk menghubung kait aspek yang menarik dalam puisi moden dan puisi tradisional. | |
| **4** Bersatu Kita Teguh | **Mendengar dan Bertutur** | **1.3.1** Mendengar dan menghubungkaitkan maklumat daripada pengetahuan sedia ada dengan fakta baharu secara betul, tepat dan bermakna. | |
| | **Menulis** | **3.4.1** Menulis kerangka karangan dengan menyusun dan menganalisis isi penting secara terancang. | |
| | **Aspek Tatabahasa** | **5.1.2** Mengaplikasi pelbagai kata terbitan dalam pelbagai laras bahasa dengan betul mengikut konteks. | |


© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

| Unit | Kemahiran | Standard Pembelajaran | Tahap Penguasaan |
|---|---|---|---|
| **5** **Pendidikan untuk Semua** | **Mendengar dan Bertutur** | **1.3.2** Mendengar dan menjana idea baharu daripada maklumat yang diperoleh dengan betul dan bermakna. | |
| | **Membaca** | **2.3.2** Membaca untuk mengenal pasti dan menyelesaikan masalah daripada pelbagai bahan menggunakan teknik bacaan yang sesuai. | |
| | **Menulis** | **3.4.2** Menulis untuk menghuraikan perenggan isi secara kritis dan kreatif dengan menggunakan bahasa yang gramatis. | |
| | **Aspek Seni Bahasa** | **4.2.1** Memahami dan menggunakan perbandingan semacam, kata-kata hikmat, kiasan, madah pujangga dan bahasa berirama dengan betul mengikut konteks. | |
| **6** **Sains, Teknologi dan Inovasi** | **Mendengar dan Bertutur** | **1.4.1** Memberikan maklum balas yang berbentuk idea baharu dalam perbualan secara bertatasusila. | |
| | **Membaca** | **2.3.3** Membaca untuk membuat inferens daripada pelbagai bahan dengan betul menggunakan teknik bacaan yang sesuai. | |
| | **Menulis** | **3.4.3** Menulis untuk menghasilkan pelbagai jenis karangan yang lengkap dengan menggunakan bahasa berbudaya. | |
| | **Aspek Tatabahasa** | **5.1.3** Mengaplikasi bentuk kata ganda dan akronim dalam pelbagai laras bahasa dengan betul mengikut konteks. | |
| **7** **Pertanian, Penternakan dan Perikanan** | **Mendengar dan Bertutur** | **1.4.2** Berbahas tentang sesuatu perkara dengan mengemukakan fakta yang logik dan relevan secara bertatasusila. | |
| | **Membaca** | **2.3.4** Membaca untuk membuat ulasan daripada pelbagai bahan dengan menggunakan analogi yang betul dan tepat menggunakan teknik bacaan yang sesuai. | |
| | **Aspek Seni Bahasa** | **4.3.1** Menghasilkan skrip drama dengan menggunakan bahasa yang sesuai dan menarik. | |
| **8** **Melancong Mencari Makna** | **Membaca** | **2.3.5** Membaca untuk merumus pandangan daripada penulis yang berbeza tentang sesuatu isu berdasarkan bukti secara rasional menggunakan teknik bacaan yang sesuai. | |
| | **Aspek Tatabahasa** | **5.2.1** Memahami dan menggunakan golongan kata dalam pelbagai laras dengan betul mengikut konteks. | |


© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

| Unit | Kemahiran | Standard Pembelajaran | Tahap Penguasaan |
|---|---|---|---|
| **9** Ekonomi, Keusahawanan dan Pengurusan Kewangan | **Mendengar dan Bertutur** | **1.5.2** Bersoal jawab dalam pelbagai situasi untuk mengemukakan idea baharu bagi meningkatkan kebolehpasaran diri secara bertatasusila. | |
| | **Membaca** | **2.4.1** Membaca pelbagai bahan ilmiah untuk membuat refleksi bagi meningkatkan pengetahuan dalam pelbagai bidang ilmu. | |
| | **Menulis** | **3.5.1** Menulis untuk mengolah maklumat dan membuat justifikasi daripada pelbagai bahan dan sumber bagi menghasilkan pelbagai bentuk penulisan dan bahan grafik dengan menggunakan ayat yang sesuai. | |
| | **Aspek Seni Bahasa** | **4.3.2** Menghasilkan gurindam secara tertib, menggunakan idea yang kreatif serta bahasa yang indah. | |
| **10** Alam Sekitar dan Teknologi Hijau | **Mendengar dan Bertutur** | **1.6.1** Mempersembahkan idea dan maklumat dalam pelbagai situasi dengan betul, tepat dan jelas serta menggunakan intonasi yang sesuai secara kreatif dan bertatasusila. | |
| | **Menulis** | **3.2.1** Menulis untuk membuat justifikasi berdasarkan penilaian sesuatu perkara dengan menggunakan ayat yang gramatis. | |
| | **Aspek Tatabahasa** | **5.3.3** Memahami dan menggunakan ayat majmuk yang betul mengikut konteks. | |
| **11** Dunia Selamat Milik Kita | **Mendengar dan Bertutur** | **1.7.1** Berbincang tentang sesuatu perkara untuk menerima atau menolak hujah secara rasional dan bertatasusila. | |
| | **Membaca** | **2.1.2** Membaca petikan prosa dan puisi dengan intonasi yang betul dan nada yang sesuai berdasarkan situasi. | |
| | **Aspek Seni Bahasa** | **4.1.1** Memahami dan mengapresiasi untuk menghubung kait aspek yang menarik dalam prosa moden dan prosa tradisional. | |
| **12** Kebudayaan, Kesenian dan Estetika | **Mendengar dan Bertutur** | **1.7.2** Berunding secara kritis untuk membuat keputusan dengan memberikan justifikasi tentang sesuatu perkara secara bertatasusila. | |
| | **Membaca** | **2.1.1** Membaca pelbagai jenis teks untuk mengenal pasti dan membandingkan intonasi serta nada yang sesuai. | |
| | **Aspek Tatabahasa** | **5.3.1** Memahami dan menggunakan frasa dalam pelbagai laras bahasa dengan betul mengikut konteks. | |


© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

| Unit | Kemahiran | Standard Pembelajaran | Tahap Penguasaan |
|---|---|---|---|
| **13** Jati Diri, Warganegara Patriotik | **Mendengar dan Bertutur** | **1.8.1** Merumus dan mengulas isu semasa secara kritis dan bernas dengan menggunakan ayat yang gramatis. | |
| | **Membaca** | **2.3.1** Membaca, menilai dan membandingkan bahan teks yang berbeza dengan betul berdasarkan bukti yang terdapat dalam teks menggunakan teknik bacaan yang sesuai. | |
| **14** Citra Bahasa dan Sastera Kita | **Mendengar dan Bertutur** | **1.8.2** Merumus dan menilai kekuatan dan kelemahan karya secara kritis dengan menggunakan ayat yang gramatis. | |
| | **Membaca** | **2.3.3** Membaca untuk membuat inferens daripada pelbagai bahan dengan betul menggunakan teknik bacaan yang sesuai. | |
| | **Aspek Tatabahasa** | **5.3.2** Memahami dan menggunakan ayat terbitan dengan betul mengikut konteks. | |
| **15** Industri Cemerlang, Negara Gemilang | **Membaca** | **2.3.4** Membaca untuk membuat ulasan daripada pelbagai bahan dengan menggunakan analogi yang betul dan tepat menggunakan teknik bacaan yang sesuai. | |
| | **Menulis** | **3.5.2** Menulis untuk mengolah dan menghubung kait maklumat daripada pelbagai sumber bagi menghasilkan penulisan dan bahan grafik dengan menggunakan ayat yang gramatis dan penanda wacana yang sesuai. | |
| **16** Integriti | **Mendengar dan Bertutur** | **1.5.1** Bersoal jawab menggunakan soalan terbuka untuk meneroka dan mengetahui sesuatu perkara secara bertatasusila. | |
| | **Membaca** | **2.4.1** Membaca pelbagai bahan ilmiah untuk membuat refleksi bagi meningkatkan pengetahuan dalam pelbagai bidang ilmu. | |
| | **Menulis** | **3.6.1** Memurnikan kesalahan bahasa dan menganalisis kejituan serta kesinambungan idea dalam pelbagai teks. | |
| | **Aspek Tatabahasa** | **5.3.4** Memahami dan menggunakan ragam ayat yang betul mengikut konteks. | |


© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

TEMA 2

# Sukan dan Rekreasi

*Buku Teks: ms. 15 – 27*

KUASAI PBD

## Kemahiran Mendengar dan Bertutur

**SP 1.1.2** Mendengar, memahami dan menuturkan ayat dalam pelbagai jenis komunikasi lisan dengan betul.

**Dengar petikan dengan teliti dan fahami maklumat daripada bahan grafik. Kemudian, tuturkan maklumat tersebut dalam bentuk komunikasi lisan sama ada taklimat, penerangan, ceramah, atau penceritaan.**

Track 2




Berdasarkan maklumat di atas, hasilkan sebuah pembentangan menggunakan kaedah komunikasi lisan mengikut jenis komunikasi pilihan anda. Pembentangan lisan perlu dilakukan mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Pembentangan hendaklah tidak melebihi lima minit.

| **Sila tandakan ( ✓ ) pada jenis komunikasi pilihan anda** | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Taklimat | | Penerangan | | Ceramah | | Penceritaan | |

## KUASAI PBD Kemahiran Membaca

**SP 2.1.2** Membaca petikan prosa dan puisi dengan intonasi yang betul dan nada yang sesuai berdasarkan situasi.

**Baca bahan-bahan bacaan di bawah ini dengan intonasi dan nada yang sesuai berdasarkan situasi.**

### Sajak – Semakin Laju Semakin Pantas

Laungan semboyan telah didendangkan
Bergema menyelubungi arena pertarungan
Laungan Negaraku sudah berkumandang
Keringat dan nafas sediaku korbankan.

Segala suara jeritan mula menghilang
Hanya nafas dan jantungku saja kedengaran
Semua kelibat hilang tidak kelihatan
Hanya kelipan bintang menjadi tumpuan.

Segala denyutan nadi
dan keringat kukerahkan
semua kesakitan aku sembunyikan
walaupun aku jatuh berdarah
tetap aku bangkit dan terus melangkah
semakin laju semakin pantas
akhirnya titik hitam menjadi cerah.

Aku terpaku diselubungi sinaran
suara kelibat sorakan mula kedengaran
badan terasa melayang terawang-awang
menjadi tanda keramat
bintang yang aku impikan
sudah menjadi kenyataan.

**Nur Hidayah Isa**
Bandar Tasik Selatan, Kuala Lumpur

### Pencapaian Azizulhasni Hasil Transformasi Luar Biasa

Jaguh basikal trek negara, Datuk Azizulhasni Awang boleh dianggap melanggar 'hukum sains' menerusi deretan kejayaan yang dikecapinya. Pelumba berusia 33 tahun itu melalui proses transformasi yang luar biasa.

Berdasarkan kajian saintifik yang dilakukan sebelum Datuk Azizulhasni 'berguru' di Melbourne pada tahun 2007, menunjukkan saiz fizikalnya tidak memenuhi kriteria untuk beraksi dalam acara trek. Kualiti otot dan ketinggian beliau memang tidak memenuhi kriteria untuk beraksi dalam acara trek.

Namun begitu, usaha dan kegigihan Datuk Azizulhasni dalam menjaga pemakanan membolehkan beliau mengalami proses transformasi yang luar biasa dalam tempoh 14 tahun. Kejayaan ini telah mengubah pandangan negatif pengkaji sukan yang beranggapan bahawa pemenang pingat gangsa dalam Sukan Olimpik Rio 2016 dan juara dunia keirin 2017 itu tidak mempunyai potensi untuk berjaya disebabkan saiz tubuh badannya yang kecil.

Program latihan yang intensif dan kegigihan Datuk Azizulhasni berlatih meliputi semua aspek termasuk fizikal, sosial, dan mental membolehkan beliau menjadi seorang juara. Hal ini terbukti, apabila kejayaan beliau membuatkan seluruh rakyat Malaysia berbangga kerana berjaya mendapat kedudukan teratas ranking dunia bagi acara pecut individu dan tempat kedua bagi keirin pada tahun 2021.

Dipetik dan diubah suai daripada *www.bharian.com/*, 15 Februari 2021

**Jadual Pemarkahan (Tandakan (✓) pada kotak markah yang sesuai)**

| Kriteria | Sebutan | Kejelasan | Intonasi | Kelancaran |
|---|---|---|---|---|
| Petikan Prosa | | | | |
| Petikan Puisi | | | | |

1. Intonasi dan nada yang kurang memuaskan
2. Intonasi dan nada yang betul dan memuaskan
3. Intonasi dan nada yang baik, jelas, dan menunjukkan ragam perasaan

SP 2.1.2
TAHAP PENGUASAAN 1 2 3 4 5 6

KUASAI PBD

## Kemahiran Menulis

**SP 3.2.1** Menulis untuk membuat justifikasi berdasarkan penilaian sesuatu perkara dengan menggunakan ayat yang gramatis.

**Berdasarkan situasi dan permasalahan di bawah ini, teliti dan nilai maklumat yang telah diberikan. Kemudian, tulis justifikasi berdasarkan penilaian jenis sukan yang paling sesuai dan yang paling tidak sesuai dengan menggunakan ayat yang gramatis.**

### Tugasan

Anda seorang daripada ahli jawatankuasa yang telah ditugaskan untuk memilih satu acara sukan yang akan dipertandingkan bersempena dengan sambutan Hari Keluarga di kawasan perumahan anda.

### Senarai sukan yang menjadi pilihan

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Bola sepak | Bola baling | Lumba lari | Bola jaring | Sepak takraw | Memanah | Boling padang |

### Kriteria pemilihan

- Padang yang digunakan untuk acara ini ialah padang permainan yang terletak di tengah-tengah kawasan perumahan. Keluasan padang ialah 100 meter persegi.
- Jumlah wang yang diperuntukkan bagi keseluruhan acara sebanyak RM300 ringgit sahaja.
- Peserta ialah warga kawasan perumahan yang terdiri daripada 15 orang kanak-kanak, 21 orang lelaki dewasa, dan 14 orang perempuan dewasa.
- Kawasan padang tidak dilengkapi pagar atau kemudahan sukan yang lain.
- Tempoh masa acara dijangka bermula pada pukul 8:00 pagi hingga 10:00 pagi.

**1.** Nyatakan jenis sukan yang paling sesuai dan berikan justifikasi.

Sukan yang paling sesuai ialah sukan bola sepak. Faktor pertama, sukan ini tidak memerlukan alat yang banyak. Walaupun keluasan padang tidak besar, namun permainan ini boleh dijalankan dalam skala yang lebih kecil. Sukan bola sepak juga merupakan sukan yang sangat diminati oleh semua lapisan masyarakat dan umur. Kos untuk menjalankan sukan ini juga sangat murah. (*Murid bebas memilih mana-mana jawapan*)

**2.** Nyatakan jenis sukan yang paling tidak sesuai dan berikan justifikasi.

Memanah merupakan sukan yang paling tidak sesuai atas beberapa faktor. Faktor pertama berkaitan dengan keselamatan. Memanah sukan yang memerlukan pengawasan dan penjagaan keselamatan yang tinggi. Kehadiran kanak-kanak dapat mengundang bahaya. Memanah juga memerlukan ruang yang luas. Seterusnya, peralatan yang digunakan juga terhad dan mahal. Bukan semua individu mempunyai set memanah yang lengkap.

(*Murid bebas memilih mana-mana jawapan*)

ePP+ **Praktis Ekstra** Tema 2

SP 3.2.1

TAHAP PENGUASAAN 1 2 3 4 5 6

## KUASAI PBD Aspek Tatabahasa

**SP 5.1.1** Mengaplikasi bentuk kata tunggal dan kata majmuk dalam pelbagai laras bahasa dengan betul mengikut konteks.

**Baca petikan-petikan di bawah ini yang mengandungi kata tunggal dan kata majmuk. Kemudian, gariskan bentuk kata majmuk yang terdapat dalam petikan-petikan tersebut.**

### Laras Bahasa Umum

Permainan catur sebenarnya bermula di India, sebelum abad ke-6 Masihi. Menurut carta aliran sejarah pada abad ke-19, kejohanan catur moden pertama telah diadakan pada tahun 1886. Permainan ini memerlukan pemain meletakkan daya tumpuan dan tahap pemikiran yang tinggi. Pada peringkat antarabangsa, World Chess Federation (FIDE) berperanan sebagai satu organisasi yang bertanggungjawab untuk menyelia dan menganjurkan kejohanan di seluruh dunia.

### Laras Bahasa Teknikal

Undang-undang Persekutuan Catur Antarabangsa (FIDE) dan Peraturan-peraturan Am Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia (MSSM) menjelaskan bahawa terdapat dua jenis pertandingan yang termaktub dalam peraturan Fasa Penganjuran, iaitu kategori individu dan kategori berpasukan. Jika terdapat kedudukan mata yang sama, jawatankuasa penganjur perlu menggunakan sistem pemecah seri untuk menentukan pemenang. Buah catur standard yang digunakan adalah dengan saiz ukuran tinggi raja yang mempunyai garis pusat berukuran 8.5 hingga 10 cm.

### Laras Bahasa Agama

Syeikh Prof. Dr. Yusuf al-Qaradhawi telah memberitahu secara panjang lebar agar masyarakat dapat berfikiran terbuka berkaitan dengan masalah permainan catur. Terdapat pertindihan pendapat dalam mengenal pasti hukum permainan merangsang minda ini. Walau bagaimanapun, berpegang pada prinsip bahawa hukum asal bagi sesuatu perkara ialah keharusan sehingga ada dalil yang menunjukkan pengharaman permainan tersebut. Catur dalam sudut pandangan Islam masih dibenarkan selagi tidak bercampur dengan perkara yang haram.

### Laras Bahasa Iklan

**Pertandingan Catur Terbuka Kuala Lumpur 2022**

- Tarikh pertandingan **20 Jun 2022**
- Terbuka kepada semua lapisan masyarakat yang berumur (13 hingga 60 tahun) kecuali melibatkan ahli keluarga kakitangan dan jawatankuasa pertandingan.
- **Borang pendaftaran** perlulah mempunyai tandatangan penjaga atau ibu bapa.
- Kejohanan terbuka kepada **semua warganegara Malaysia** yang sihat akal.
- Jadual atur cara akan diberikan oleh urus setia pertandingan pada hari kejohanan berlangsung.

eP▸ Nota Visual Definisi Istilah

# TEMA 3

# Kerjaya Meniti Jaya

Buku Teks: ms. 28 – 40

## KUASAI PBD Kemahiran Mendengar dan Bertutur

**SP 1.2.1** Mendengar dan memberikan respons dalam pelbagai jenis ayat tanpa mengubah maksud konteks ayat.

**Berdasarkan pernyataan dan situasi di bawah ini, bina ayat yang terdiri daripada ayat penyata, ayat tanya, ayat seruan, dan ayat perintah yang bersesuaian.**

### Kerjaya 1

Kerjaya sebagai juruterbang pesawat pejuang sangat mencabar dan berisiko. Namun begitu, kerjaya ini menjadi cita-cita pilihan Jamal Karim (40 tahun) sejak kecil lagi. Beliau amat berkemahiran dalam melakukan pelbagai aksi aerobatik yang mendebarkan dengan menggunakan pesawat canggih jenis Sukhoi Su-30MKM milik Tentera Udara Diraja Malaysia. Selain itu, beliau juga merupakan Ahli Aerobatik Pesawat MiG-29N pada Pertunjukan Udara LIMA. Beliau mengingatkan murid-murid di sekolah agar belajar dengan bersungguh-sungguh untuk supaya berjaya pada masa hadapan.

| | |
|---|---|
| Ayat Tanya | Apakah cita-cita Jamal Karim sejak kecil? |
| Ayat Seruan | Wah, hebatnya aksi aerobatik yang dilakukan oleh Encik Jamal Karim! |
| Ayat Penyata | Encik Jamal Karim Ahli Aerobatik Pesawat MiG-29N pada Pertunjukan Udara LIMA. |
| Ayat Perintah | Sila belajar dengan bersungguh-sungguh sekiranya ingin berjaya pada masa hadapan. |

### Kerjaya 2

Pengalaman paling mencabar apabila menjalankan bedah siasat terhadap mayat seorang wanita warga asing yang anggota badannya dikerat kepada beberapa bahagian. Itulah keadaan mayat yang paling mengerikan yang pernah dilihat oleh beliau sepanjang bergelar ahli patologi di Jabatan Forensik Kuala Lumpur. Walaupun mengerikan, namun menurut Dr. Siti (39 tahun), bedah siasat mayat bukan sahaja penting untuk mengetahui punca kematian, tetapi dapat membantu pihak polis untuk menjalankan siasatan. Tugas ahli patologi sama seperti pegawai penyiasat jenayah. Akhirnya, keadilan dapat ditegakkan untuk si mati dan hukuman dapat dijatuhkan kepada penjenayah.

| | |
|---|---|
| Ayat Tanya | Apakah pengalaman paling mencabar sepanjang menjadi ahli patologi? |
| Ayat Seruan | Eh, ngerinya keadaan mayat itu! |
| Ayat Penyata | Tugas ahli patologi sama seperti pegawai penyiasat jenayah. |
| Ayat Perintah | Tolong tegakkan keadilan dengan memastikan penjenayah dapat dijatuhi hukuman. |

SP 1.2.1
TAHAP PENGUASAAN 1 2 3 4 5 6

## Kemahiran Membaca

**SP 2.2.1** Membaca untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan maklumat daripada bahan dan sumber yang berbeza dengan betul menggunakan pelbagai teknik bacaan.

**Baca bahan-bahan bacaan di bawah ini dengan telitinya. Kemudian, analisis bahan-bahan bacaan tersebut untuk mencari persamaan dan perbezaan maklumat menggunakan teknik bacaan yang sesuai.**

ePlus **Nota Visual** Kerjaya Pemain Besbol

**Bahan 1**

Permainan sofbol melibatkan sembilan orang pemain bagi setiap pasukan sama ada dimainkan oleh lelaki atau perempuan. Saiz bola yang digunakan lebih besar daripada saiz bola tenis. Permainan ini dimainkan dengan cara melemparkan bola ke arah pemukul. Pemukul perlu mencuba untuk memukul bola dengan menggunakan kayu pemukul sekuat dan sejauh yang mungkin. Bola perlu dilempar melalui pergerakan dari bawah ke atas. Apabila bola berjaya dipukul, pemukul perlu berlari melepasi kawasan kepingan bertanda. Mata penuh akan diberikan sekiranya pihak lawan berjaya menyempurnakan satu larian penuh.

Dalam pada itu, ahli pasukan lawan perlu menangkap bola dan melemparkan kepada penyambut yang berada di kawasan kepingan bertanda. Penyambut perlu menyambut sambil meletakkan kedua-dua kaki di atas kepingan berkenaan. Hal ini penting bagi menghentikan larian daripada pihak lawan supaya tidak melepasi kepingan yang berkenaan. Apabila larian pelari telah dihalang. Pelari hanya boleh berada di kepingan sebelumnya dan tidak dibenarkan berlari ke kawasan kepingan yang seterusnya. Pelari perlu menunggu ahli pasukan memukul bola berkenaan untuk larian selanjutnya. Pasukan yang berjaya menyempurnakan larian yang paling banyak dikira sebagai pemenang.

**Bahan 2**

Sukan besbol merupakan sukan yang sangat terkenal di Amerika Utara dan Amerika Latin. Permainan ini memerlukan 18 orang pemain bagi kedua-dua pasukan. Hanya pemain lelaki sahaja yang dibenarkan untuk bermain. Besbol antara sukan yang sangat berbahaya kerana kelajuan bola yang dibaling dan pengguna kayu pemukul yang diperbuat daripada besi.

Pasukan lawan perlu melemparkan bola ke arah pemukul melalui satu pergerakan yang lurus. Pelempar akan mencuba untuk membaling bola dari kawasan timbunan pasir yang terletak di tengah-tengah padang selaju yang mungkin. Pihak lawan pula akan memukul bola yang bersaiz hampir sama dengan saiz bola tenis dengan menggunakan kayu pemukul sejauh yang mungkin. Pemukul yang berjaya memukul bola berkenaan perlu berlari melepasi kawasan kepingan bertanda. Pasukan yang berjaya menyempurnakan satu larian penuh akan diberikan mata.

Ahli pasukan lawan harus menangkap bola yang dipukul dan melemparkan bola itu kepada penyambut yang berada di kawasan kepingan bertanda. Penyambut boleh meletakkan satu kaki atau kedua-dua kaki di atas kepingan berkenaan sambil menyambut bola yang dilemparkan. Pelari boleh meninggalkan kawasan sekiranya bola telah dilepaskan oleh pelempar. Perkara ini dikenali sebagai mencuri tapak. Sekiranya bola masih berada pada tangan pelempar, pelari perlu menunggu untuk ahli pasukan memukul bola berkenaan untuk larian seterusnya. Pelari dikira gagal sekiranya pihak lawan berjaya menyentuh bola kepada badan pelari di luar kawasan kepingan. Setiap larian yang berjaya disempurnakan akan menyumbangkan mata kepada pasukan.

Sila rujuk bahagian jawapan

(Sila gunakan helaian tambahan)

POT Enrolment key Kua$aiP!5

SP 2.2.1

| TAHAP PENGUASAAN | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 |
|---|---|---|---|---|---|---|

KUASAI PBD

## Kemahiran Menulis

**SP 3.3.1** Menulis untuk melengkapkan maklumat dengan membuat pertimbangan yang relevan dalam pelbagai bahan.

**Lihat bahan-bahan di bawah ini dengan telitinya. Kemudian, lengkapkan maklumat yang berikutnya dengan betulnya.**

### Iklan

**Temu Duga Jawatan Doktor Veterinar Klinik Wong**

| | |
|---|---|
| Kelayakan: | Ijazah Doktor Perubatan Veterinar (DVM) |
| Kemahiran: | Boleh bercakap dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dengan lancarnya. |
| Pengalaman: | Pernah bekerja di zoo, makmal haiwan, ladang, atau industri makanan (mana-mana tempat yang berkenaan) |
| Gaji: | RM2800 hingga RM7500 (bergantung pada pengalaman) |

### Wawancara Melalui Televisyen

| | |
|---|---|
| Pengacara: | Selamat datang doktor ke rancangan kami. |
| Doktor: | Terima kasih kerana sudi menjemput saya ke sini. |
| Pengacara: | Sebelum kita berbual-bual dengan lebih mendalam, bolehkah doktor terangkan tugas doktor di klinik? |
| Doktor: | Saya bertugas untuk melakukan prosedur umum, pembedahan, dan pergigian pada haiwan yang mendapatkan rawatan. Saya juga perlu menilai dan merawat penyakit yang dihidapi oleh haiwan berkenaan. |
| Pengacara: | Selain memberikan rawatan kepada haiwan, apakah tugas lain doktor veterinar? |
| Doktor: | Selain itu, doktor veterinar juga menyediakan khidmat nasihat kepada pemilik haiwan yang ingin mengetahui kaedah rawatan yang sesuai untuk haiwan kesayangan mereka. |
| Pengacara: | Bolehkah doktor nyatakan waktu bekerja doktor veterinar? |
| Doktor: | Kerjaya sebagai doktor veterinar ini sama seperti doktor yang merawat manusia. Kami tiada tempoh masa yang tetap. Kepentingan utama kami adalah untuk merawat dan menyelamatkan nyawa haiwan. |

### Petikan Akhbar BERNAMA

ePraktis Ekstra Tema 3

**Malaysia Masih Kekurangan Doktor Haiwan**

KUALA LUMPUR, 28 Mac (Bernama) – Malaysia masih kekurangan doktor haiwan atau veterinar bagi memenuhi permintaan terhadap perkhidmatan veterinar yang semakin meningkat dari semasa ke semasa.

| | |
|---|---|
| Polemik yang dihadapi bidang ini di Malaysia? | Malaysia kekurangan doktor haiwan untuk memenuhi permintaan terhadap perkhidmatan veterinar. |
| Kelayakan yang diiktiraf? | Ijazah Doktor Perubatan Veterinar (DVM) |
| Laluan kerjaya? | Boleh bekerja di klinik haiwan, zoo, makmal haiwan, ladang, atau industri makanan |
| Tugasan doktor veterinar? | • Melakukan prosedur umum, pembedahan, dan pergigian pada haiwan yang mendapatkan rawatan.<br>• Menyediakan khidmat nasihat kepada pemilik haiwan yang datang berkaitan dengan penyakit dan kaedah rawatan yang sesuai untuk haiwan mereka. |
| Purata pendapatan? | Bergantung pada pengalaman antara RM2800 hingga RM7500 |

SP 3.3.1
TAHAP PENGUASAAN 1 2 3 4 5 6

KUASAI PBD

## Aspek Seni Bahasa

**SP 4.1.2** Memahami dan mengapresiasi untuk menghubung kait aspek yang menarik dalam puisi moden dan puisi tradisional.

**Fahami petikan sajak. Kemudian, jawab soalan-soalan di bawah ini.**

### Guru Oh Guru

Berburu ke padang datar
Dapat rusa belang kaki
Berguru kepala ajar
Ibarat bunga kembang tak jadi

Dialah pemberi paling setia
Tiap akar ilmu miliknya
Pelita dan lampu segala
Untuk manusia sebelum jadi dewasa.

Dialah ibu dialah bapa juga sahabat
Alur kesetiaan mengalirkan nasihat
Pemimpin yang ditauliahkan segala umat
Seribu tahun katanya menjadi hikmat.

Jika hari ini seorang Perdana Menteri berkuasa
Jika hari ini seorang Raja menaiki takhta
Jika hari ini seorang Presiden sebuah negara
Jika hari ini seorang ulama yang mulia
Jika hari ini seorang peguam menang bicara
Jika hari ini seorang penulis terkemuka
Jika hari ini siapa sahaja menjadi dewasa;
Sejarahnya dimulakan oleh seorang guru biasa
Dengan lembut sabarnya mengajar tulis-baca.

Di mana-mana dia berdiri di muka muridnya
Di sebuah sekolah mewah di Ibu Kota
Di bangunan tua sekolah Hulu Terengganu
Dia adalah guru mewakili seribu buku;
Semakin terpencil duduknya di ceruk desa
Semakin bererti tugasnya kepada negara.

Jadilah apa pun pada akhir kehidupanmu, guruku
Budi yang diapungkan didulangi ilmu
Panggilan keramat "cikgu" kekal terpahat
Menjadi kenangan ke akhir hayat.

**Usman Awang**
Diselenggara oleh Zam Ismail, 1989.
Antologi Guru Oh Guru, Dewan Bahasa dan Pustaka

(i) Berdasarkan rangkap terakhir sajak di atas, jelaskan maksud yang hendak disampaikan oleh penyajak.

Rangkap terakhir sajak di atas bermaksud budi dan jasa guru sukar untuk dilupakan. Golongan guru akan terus dipanggil dengan panggilan keramat "Cikgu" sehingga ke akhir hayat mereka.

(ii) Bincangkan persoalan yang terdapat dalam sajak ini.

Antara persoalan yang terdapat dalam sajak ini ialah hubungan seorang guru dengan muridnya seperti hubungan ahli keluarga, tugas guru sangat mencabar, dan guru bertanggungjawab untuk melahirkan individu yang berjaya dalam masyarakat.

(iii) Pada pandangan anda, apakah ciri-ciri yang perlu ada pada seorang guru?

Pada pandangan saya, guru perlulah mempunyai kesabaran yang tinggi. Selain itu, guru perlu tabah dalam menjalankan tugas di mana-mana sahaja. Guru juga perlu sentiasa mempunyai jalinan hubungan yang baik dengan murid-murid.

PAK-21

SP 4.1.2

| TAHAP PENGUASAAN | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 |
|---|---|---|---|---|---|---|

MODUL PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

# KUASAI PBD

TINGKATAN 5 KSSM

PRAKTIS SPM

# BAHASA MELAYU

## PENULISAN

- Karangan Respons Terhad
- Karangan Respons Terbuka

## SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

- Morfologi
- Sintaksis
- Penyuntingan
- Bahasa Melayu Standard
- Peribahasa

## PEMAHAMAN

- Pemahaman Petikan Umum
- Pemahaman Petikan Sastera
- Novel

## RUMUSAN

## LISAN

- Lisan Bertutur
- Lisan Mendengar

ePeta Konsep Penulisan

# PENULISAN

## Karangan Respons Terhad

Video Tutorial

Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan

### KUASAI Nota Pintas

| | |
|---|---|
| **Soalan** | Kertas SPM 1103/1 Bahasa Melayu Bahagian A |
| **Kriteria** | • Murid perlu menulis karangan dengan menghuraikan pendapat berdasarkan kombinasi kepelbagaian bahan rangsangan yang terdapat dalam kertas soalan.<br>• Kebiasaannya terdapat dua atau tiga jenis bahan rangsangan yang meliputi tema yang sama berdasarkan keperluan dan kehendak soalan.<br>• Secara umumnya, kombinasi soalan boleh dipilih daripada akhbar, e-mel, teks, poster, petikan, gambar atau ilustrasi, gambar rajah, jadual, peta, pelan, iklan, dialog berilustrasikan kartun, dan sebagainya.<br>• Bahan-bahan ini perlu dianalisis. Setiap bahan perlu dirumuskan maksud dan mesej yang hendak disampaikan.<br>• Panjang karangan perlu ditulis antara 150 hingga 200 patah perkataan. |
| **Markah** | 26 – 30 Cemerlang<br>22 – 25 Kepujian<br>20 – 21 Baik<br>15 – 19 Memuaskan<br>10 – 14 Kurang Memuaskan<br>1 – 9 Penguasaan Minimum<br>Markah penuh: 30 markah |
| **Masa** | Kurang daripada 30 minit |

**Panduan Menjawab Soalan**

1. Murid hendaklah membaca arahan soalan yang diberikan dengan telitinya. Kenal pasti tema atau isu yang dibincangkan daripada petikan soalan.
2. Fahami tajuk dan bahan rangsangan yang berikan dalam soalan berkenaan.
3. Kemudian, analisis bahan-bahan tersebut secara kritis dengan mengolah bahan rangsangan bagi mendapatkan isi-isi yang bersesuaian dengan tema soalan.
4. Jangan salin kesemua perkataan yang terdapat dalam bahan rangsangan. Analisis dan hasilkan olahan sendiri yang bersesuaian dengan maklumat penting yang hendak disampaikan dalam bahan berkenaan.
5. Untuk mendapatkan markah cemerlang, murid perlu menyentuh maklumat penting yang hendak disampaikan dalam kesemua bahan rangsangan yang diberikan.
6. Murid yang tidak menggunakan kesemua bahan rangsangan, tidak akan memperoleh markah cemerlang kecuali melibatkan bahan rangsangan berbentuk pilihan karangan jenis resume.
7. Murid digalakkan untuk menghasilkan rangka terlebih dahulu sebelum memulakan penulisan.
8. Cadangan rangka dan jumlah perkataan bagi karangan bahan rangsangan adalah seperti yang berikut.

| Perenggan | Bahagian | Jumlah perkataan |
|---|---|---|
| Perenggan 1 | Pendahuluan | 40 |
| Perenggan 2 | Isi 1 | 50 – 60 |
| Perenggan 3 | Isi 2 | 50 – 60 |
| Perenggan 4 | Penutup | 40 |

9. Perenggan pendahuluan mengandungi isu yang disampaikan secara umum (dengan menganalisis bahan rangsangan).
10. Murid dicadangkan untuk mengolah isi dengan memberikan ayat topik, huraian, contoh, dan penegasan. Setiap perenggan perlu dibina dengan menggunakan bahasa yang gramatis, kosa kata yang betul, dan mempunyai koheren bagi setiap isi yang hendak disampaikan.

11. Perenggan penutup harus mengandungi rumusan yang berkaitan dengan tema yang diberikan. Cadangan penutup terdiri daripada pihak yang terlibat, ayat cadangan, dan harapan.
12. Selepas selesai menulis, murid digalakkan untuk mengira dan menulis jumlah perkataan. Murid perlu akur akan ketetapan bilangan patah perkataan, iaitu tidak melebihi 120 patah perkataan.

**Kesalahan Lazim**

1. Murid biasanya menulis melebihi 200 patah perkataan, dan tidak akur akan arahan soalan. Kegagalan ini menyebabkan perkataan yang telah melebihi jumlah yang ditetapkan, tidak dibaca dan diterima oleh pemeriksa.
2. Murid tidak mengaitkan bahan rangsangan dengan kehendak tema. Perkara ini menyebabkan murid tidak dapat menghuraikan isi dengan baik serta tiada kesinambungan dan koheren antara isi 1 dengan isi 2.
3. Murid biasanya akan memberikan tiga isi kerana terpengaruh dengan jumlah bahan rangsangan yang diberikan. Murid perlu bijak menggabungkan dua isi yang sama maksud menjadi satu isi bagi memaksimumkan penggunaan bahan.
4. Murid tidak mampu membezakan ayat contoh dan ayat huraian. Hal ini menyebabkan berlaku pertindihan atau pengulangan maksud ayat yang ditulis.

## MODEL Karangan Respons Terhad

*Maklumat di bawah berkaitan dengan sektor pertanian di Malaysia.*
*Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan* **pendapat** *anda tentang* **sektor pertanian**.
*Panjangnya huraian hendaklah* **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.

**Teknologi, inovasi lonjak pertanian**

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan komited bantu tambah produktiviti petani dan penternak.




Kerajaan menerusi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan terus menyuntik pembiayaan, selain dapat dijadikan modal pusingan untuk peladang, petani dan nelayan memulakan aktiviti masing-masing melalui Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) untuk industri pertanian dan makanan. Terdapat tiga bantuan khusus yang diperuntukkan dalam sektor itu, iaitu peruntukan berjumlah RM350 juta menerusi Skim Pembiayaan Mikrokredit kepada usahawan mikro terutama pengusaha agromakanan kategori B40 yang terlibat dengan aktiviti pertanian dan pengeluaran makanan.

Sumber: *Utusan Malaysia*, 30 Jun 2023

ePlus Peta Konsep
Sistem dan Aplikasi Bahasa

# SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

## KUASAI Nota Pintas

| | |
|---|---|
| **Soalan** | Kertas SPM 1103/2 Bahasa Melayu Bahagian A |
| **Kriteria** | • Murid diuji secara ujian bertulis, iaitu berbentuk subjektif respons terhad dan respons terbuka.<br>• Murid diberikan lima ceraian soalan, iaitu morfologi, sintaksis, penyuntingan, bahasa Melayu standard, dan peribahasa.<br>• Semua soalan yang dikemukakan wajib dijawab. |
| **Markah** | Markah penuh: 35 markah |
| **Masa** | 45 minit |

Video Tutorial — Morfologi

## Morfologi

## KUASAI Nota Pintas

1. Morfologi ialah kajian tentang pembentukan kata dalam sistem bahasa termasuk infleksi, terbitan, dan pemajmukan.
2. Murid perlu mengenal pasti jenis-jenis golongan kata yang disoal dengan tepat, kemudian menyenaraikan perkataan yang berkaitan sebelum membina ayat. Jenis golongan kata yang disoal meliputi beberapa perkataan daripada kata kerja, kata adjektif, kata majmuk, dan sebagainya.
3. Murid perlu membina sama ada **tiga** atau **empat ayat** yang berkaitan dengan golongan kata yang disoal berdasarkan kehendak dan arahan soalan.
4. Murid tidak dibenarkan untuk menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan, dan menggunakan perkataan yang dipilih sebagai peribahasa atau nama khas.
5. Ayat yang dibina hendaklah gramatis, iaitu mengandungi subjek dan predikat serta menggunakan tatabahasa yang betul.

### Kesalahan Lazim

1. Murid membina lebih daripada satu ayat bagi setiap perkataan yang diuji. Apabila hal ini berlaku, hanya ayat awal akan diperiksa.
2. Murid membina ayat bukan daripada jenis golongan kata atau item yang diuji atau memilih item yang berbeza dengan kehendak soalan. Jika hal ini berlaku, murid tidak mendapat apa-apa markah.
3. Murid menyalin ayat bulat-bulat daripada petikan sebagai jawapan. 0 markah diberikan.
4. Ayat yang dibina tidak menunjukkan pemahaman maksud dan penggunaan perkataan yang diuji. 0 markah diberikan.
5. Murid menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan, atau menggunakan perkataan sebagai peribahasa atau nama khas. 0 markah diberikan.
6. Ayat yang dibina tidak gramatis dan terdapat kesalahan dari aspek bahasa. Setengah markah akan ditolak bagi ayat tersebut.

## PRAKTIS 1

*Baca petikan di bawah dengan telitinya. Kenal pasti dan senaraikan* **tiga kata sendi nama**. *Kemudian bina* **satu ayat anda sendiri** *daripada setiap* **kata sendi nama** *tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Bagi memperkasakan industri pelancongan kesihatan agar lebih berdaya saing dan menawarkan perkhidmatan yang relevan dengan keperluan semasa, Kementerian Kesihatan Malaysia telah memperuntukkan undang-undang baharu bagi mentadbir penjagaan kesihatan. Usaha penambahbaikan sektor pelancongan kesihatan melibatkan pemberian kuasa tambahan kepada Majlis Kesihatan Malaysia sekali gus akan mempertingkatkan fungsinya bagi memastikan jumlah pelancong kesihatan meningkat dalam kadar yang lebih tinggi dari tahun ke tahun. Kerajaan mengkaji kemungkinan untuk meminda undang-undang agar dapat membantu pengamal perubatan mempromosikan perkhidmatan mereka di luar negara.

[6 *markah*]

1. bagi – Jambatan kayu itu dibina **bagi** memudahkan penduduk menghantar anak-anak berulang-alik dari rumah ke sekolah yang terletak di seberang sungai.
2. kepada – Surat berdaftar itu dialamatkan **kepada** pegawai yang bertanggungjawab agar dapat sampai kepadanya dengan segera.
3. di – Orang ramai bertempiaran sebaik-baik sahaja loceng kecemasan dibunyikan **di** bangunan itu agar tidak terperangkap dalam kebakaran.

## PRAKTIS 2

*Baca petikan di bawah dengan telitinya. Kenal pasti dan senaraikan* **dua kata berimbuhan akhiran** *dan* **dua katakerja pasif**. *Kemudian bina* **satu ayat anda sendiri** *daripada setiap* **kata berimbuhan akhiran** *dan* **kata kerja pasif** *tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Sukan Olimpik Tokyo 2020 yang baru sahaja berakhir merupakan satu lagi contoh komitmen Jepun dalam usaha kitar semula. Pada temasya tersebut, medal-medal yang dipertandingkan telah dihasilkan melalui proses kitar semula daripada barangan elektronik terpakai, malah ada juga melalui hasil sumbangan masyarakat Jepun. Menurut laporan, sebanyak 80 000 tan bahan kitar semula telah digunakan untuk menghasilkan 5000 medal yang dipertandingkan. Kementerian Alam Sekitar dan Air Jepun (KASA) menerusi laman sesawangnya telah memaklumkan bahawa kempen kitar semula yang melibatkan Projek Pingat Tokyo 2020 ini telah menghasilkan sebanyak 32 kilogram emas, 3492.7 kilogram perak, dan 2199 kilogram gangsa.

Dipetik dan diubah suai daripada rencana 'Rahsia Bersihnya Jepun' oleh Siti Hajar Bidin,
*Bernama*, 18 Ogos 2021

[8 *markah*]

# Sintaksis

Video Tutorial
Sintaksis

## KUASAI Nota Pintas

1. Sintaksis ialah cabang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur, dan binaan atau konstruk ayat.
2. Bahagian sintaksis merangkumi pelbagai jenis ayat seperti ayat tunggal, ayat majmuk, ayat perintah, subjek dan predikat, ayat bersusunan songsang, dan sebagainya.
3. Murid perlu mengenal pasti dan memahami jenis-jenis ayat yang diuji sebelum menjawab soalan.
4. Murid tidak perlu menyalin jenis ayat yang terdapat dalam petikan semula. Sebaliknya, murid terus menjawab berdasarkan kehendak arahan soalan.
5. Murid tidak dibenarkan mengubah maksud asal jenis ayat yang diuji.
6. Ayat-ayat yang dibina hendaklah gramatis dan mematuhi tatabahasa.

### Kesalahan Lazim

1. Ayat yang dibina tidak berkaitan dengan kehendak arahan soalan. 0 markah diberikan.
2. Ayat yang dibina mengubah maksud asal jenis ayat yang diuji. 0 markah diberikan.
3. Ayat yang dibina tidak gramatis dan terdapat kesalahan dari aspek bahasa. Setengah markah akan ditolak bagi ayat tersebut.

## PRAKTIS 1

*Tukarkan* **perbualan** *di bawah kepada* **ayat cakap pindah** *tanpa mengubah maksud asalnya.*

| | |
|---|---|
| Ros Adilla: | Cikgu, apakah maksud PPSB? |
| Cikgu Wana: | PPSB itu singkatan bagi Program Penghayatan Sastera dan Budaya. |
| Ros Adilla: | Apakah pula modul PPSB, cikgu? |
| Cikgu Wana: | Dalam modul PPSB, pelatih akan didedahkan dengan pelbagai aktiviti yang berkaitan dengan sastera dan budaya. |
| Ros Adilla: | Sekarang zaman teknologi maklumat, cikgu. Mengapakah sastera dan budaya masih diperlukan dalam kehidupan kita? |
| Cikgu Wana: | Setiap bangsa dan negara di dunia mempunyai budaya mereka sendiri. Jadi, melalui program seumpama PPSB, jati diri sesuatu bangsa dapat diperkukuh. |

[6 *markah*]

Ros Adilla ingin mengetahui maksud PPSB daripada gurunya. Cikgu Wana menerangkan bahawa PPSB ialah singkatan bagi Program Penghayatan Sastera dan Budaya. Selanjutnya, Ros Adilla ingin mengetahui modul PPSB. Cikgu Wana memberitahunya bahawa pelatih akan didedahkan dengan pelbagai aktiviti yang berkaitan dengan sastera dan budaya. Ros Adilla memberitahu Cikgu Wana bahawa sekarang zaman teknologi maklumat, oleh itu dia ingin mengetahui keperluan sastera dan budaya dalam kehidupan. Cikgu Wana memberitahunya bahawa setiap masyarakat dan negara di dunia mempunyai budaya mereka sendiri, oleh itu program seumpama PPSB dapat memperkukuh jati diri bangsa itu.

# Penyuntingan

## KUASAI Nota Pintas

1. Penyuntingan ialah proses melibatkan penambahan, penghapusan, serta menyusun kata-kata dan ayat-ayat semula agar lebih jelas, tepat, dan berkesan.
2. Bahagian penyuntingan ini berkaitan dengan kesalahan bahasa. Kesalahan bahasa merangkumi kesalahan aspek ejaan, penggunaan istilah, dan tatabahasa.
3. Murid dikehendaki mengenal pasti kesalahan-kesalahan bahasa yang terdapat dalam petikan. Kemudian, murid perlu menyenaraikan dan membetulkan kesalahan-kesalahan bahasa tersebut.
4. Murid tidak perlu menyalin ayat-ayat yang terdapat dalam petikan.

### Kesalahan Lazim

1. Murid tidak menyenaraikan perkataan yang hendak dibetulkan kesalahannya, sebaliknya terus menulis jawapan. Teknik ini menyukarkan pemeriksa mengesan jawapan. 0 markah diberikan.
2. Murid memberi lebih daripada satu jawapan bagi setiap satu perkataan yang diuji. 0 markah diberikan.
3. Murid menyenaraikan jawapan melebihi jumlah yang sepatutnya sebagaimana dikehendaki dalam kertas soalan. 0 markah diberikan.
4. Terdapat kesalahan ejaan pada jawapan murid atau tulisan murid sukar dibaca. 0 markah diberikan.

Video Tutorial

Penyuntingan

## PRAKTIS 1

*Petikan di bawah mengandungi* **pelbagai kesalahan bahasa**. *Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.*

Inisiatif bermakna mengamalkan sikap proaktif bila berusaha. Remaja lazimnya tidak akan membiarkan dirinya diperintah, diarah, dan dipaksa untuk belajar. Mereka mengamalkan sikap bertanggung jawab dan berdikari. Cara yang paling terbaik adalah dengan memberikan tugas dan amanah kepada diri sendiri. Remaja seperti ini tidak akan membiarkan masa berlalu tampa diisi dengan aktiviti berfaedah. Misalnya, jika dia berhasrat meraih keputusan cermerlang dalam SPM, dia akan berusaha memperolehi buku-buku rujukan dan pelbagai majalah-majalah dan akhbar tanpa perlu disuruh.

Di masa cuti sekolah, dia tahu memanafaatkan masa yang terbuang. Dia tidak terfikir untuk releks semasa bercuti. Remaja yang berinisiatif akan menggunakan masa senggang itu demi menambah ilmu di dada. Dia teruja untuk melengkapkan diri dengan berbagai ilmu. Jelaslah bahawa remaja yang berinisiatif merupakan remaja yang pro-aktif dan menghargai masa serta kehidupan.

[13 *markah*]

| Kesalahan | Pembetulan |
|---|---|
| **1.** bila | apabila |
| **2.** bertanggung jawab | bertanggungjawab |
| **3.** paling terbaik | paling baik |

| Kesalahan | Pembetulan |
|---|---|
| **1.** Dalam | Pada |
| **2.** penulisan | penulis |
| **3.** perancangan | rancangan |
| **4.** lebar | besar |
| **5.** melaksanakanya | melaksanakannya |
| **6.** menghidup | menghidupkan |
| **7.** jika sekiranya | jika / sekiranya |
| **8.** menganalisa | menganalisis |
| **9.** di | ke |
| **10.** lapisan-lapisan | lapisan |
| **11.** yang | bahawa |
| **12.** diberi | memberi |
| **13.** pemandangan | pandangan |

# Bahasa Melayu Standard

Video Tutorial

Bahasa Melayu Standard

## KUASAI Nota Pintas

1. Bahasa Melayu Standard merujuk kepada bahasa Melayu yang digunakan dalam surat-surat rasmi kerajaan dan buku teks di sekolah.
2. Soalan bahagian ini dikemukakan dalam tiga perenggan ayat bahasa Melayu Klasik yang dipetik daripada prosa tradisional.
3. Murid perlu membaca dan memahami keseluruhan isi kandungan dalam setiap perenggan tersebut dengan telitinya.
4. Murid hendaklah menulis setiap perenggan bahasa Melayu Klasik dalam bentuk ayat-ayat bahasa Melayu Standard menggunakan ayat-ayat sendiri tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.
5. Ayat-ayat yang dibina hendaklah gramatis dan mematuhi tatabahasa bahasa Melayu Standard.

### Kesalahan Lazim

1. Murid tidak mengasingkan jawapan mengikut perenggan yang ditetapkan, sebaliknya menggabungkan semua jawapan dalam satu perenggan sahaja. 0 markah diberikan.
2. Murid mengekalkan perkataan-perkataan tertentu dalam bahasa Melayu Klasik atau mencampuradukkan bahasa Melayu Klasik dengan bahasa Melayu Standard. 0 markah diberikan.
3. Ayat-ayat jawapan murid tidak menunjukkan pemahaman maksud dan bentuk asal penceritaannya. 0 markah diberikan.
4. Ayat-ayat yang dibina tidak gramatis dan terdapat kesalahan dari aspek bahasa. Setengah markah akan ditolak bagi setiap jawapan.
5. Murid menyalin setiap ayat bulat-bulat daripada petikan.

Video Tutorial

Peribahasa

# Peribahasa

## KUASAI Nota Pintas

1. Peribahasa merangkumi simpulan bahasa, bidalan, perumpamaan, kata-kata hikmat, dan sebagainya.
2. Soalan bahagian peribahasa dikemukakan dalam bentuk petikan, dialog, pernyataan situasi, drama, dan sebagainya. Murid hendaklah membaca bahan yang diberikan dengan teliti dan memahaminya sebelum menjawab.
3. Arahan soalan merangkumi isi tempat-tempat kosong yang disediakan, menulis peribahasa yang sesuai berdasarkan situasi, menulis peribahasa yang sama maksud atau hampir sama maksud dengan peribahasa yang dikemukakan dalam petikan, atau sebagainya.
4. Murid tidak perlu menyalin petikan yang diberikan semula, sebaliknya terus menjawab dengan mengekalkan susunannya.
5. Peribahasa yang ditulis oleh murid hendaklah tepat, jelas, dan mematuhi kehendak soalan.
6. Murid tidak dibenarkan menambahkan perkataan, mengurangkan perkataan, atau memberi penjelasan kepada peribahasa yang digunakan.

### Kesalahan Lazim

1. Jawapan murid tidak tepat dengan maksud asal peribahasa, terpesong, dan tidak jelas. 0 markah diberikan.
2. Murid menambahkan perkataan, mengurangkan perkataan, dan memberi penjelasan kepada peribahasa. 0 markah diberikan.
3. Murid menjawab lebih daripada satu peribahasa bagi satu soalan. 0 markah diberikan.
4. Murid menjawab melebihi jumlah soalan yang diarahkan pada kertas soalan. 0 markah diberikan.
5. Peribahasa yang dijawab oleh murid mengandungi kesalahan ejaan. Setengah markah ditolak.

## PRAKTIS 1

*Dialog di bawah mengandungi beberapa peribahasa. Senaraikan* **dua** *peribahasa sahaja, kemudian berikan* **peribahasa lain yang sama maksud atau hampir sama maksud** *dengan peribahasa tersebut.*

Ibu : Mengapakah Hakimi marah secara tiba-tiba? Biasanya dia tidak pernah meninggikan suara apabila bercakap dengan kita.

Bapa : Sebenarnya, kita tidak dapat menduga isi hati seseorang. Walaupun dia sentiasa tenang apabila bercakap dengan ibu dan bapa, tetapi sikap tersebut kadangkala berubah macam perangai bapanya juga, bak kata pepatah ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi.

Ibu : Kita harus berfikir sebelum berkata sesuatu.

Bapa : Marilah kita memujuk Hakimi memandangkan usianya masih muda. Sudah menjadi tanggungjawab kita bersama-sama mendidiknya kerana berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.

[4 *markah*]

1. ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi – bagaimana acuan begitulah kuihnya
2. berat sama dipikul, ringan sama dijinjing – bukit sama didaki, lurah sama dituruni

ePlus Peta Konsep Pemahaman

# PEMAHAMAN

## KUASAI Nota Pintas

| | |
|---|---|
| **Soalan** | Kertas SPM 1103/2 Bahasa Melayu Bahagian B |
| **Kriteria** | • Murid diuji secara ujian bertulis, iaitu berbentuk subjektif respons terhad dan subjektif respons terbuka.<br>• Murid mesti menjawab tiga soalan pemahaman dalam bahagian ini, iaitu:<br>– Soalan 6: Pemahaman Petikan Umum<br>– Soalan 7: Pemahaman Petikan Sastera<br>– Soalan 8: Novel<br>• Konstruk dan aspek yang ditaksir bagi soalan bahagian ini ialah:<br>– Kemahiran Membaca<br>❑ Memahami ❑ Menilai<br>❑ Menganalisis ❑ Mencipta<br>– Pengetahuan Sistem Bahasa<br>– Nilai |
| **Markah** | • Markah keseluruhan yang diperuntukkan pada bahagian ini ialah 35 markah.<br>• Soalan pemahaman petikan umum dan pemahaman petikan sastera memperuntukkan 25 markah.<br>• Soalan pemahaman novel ialah 10 markah, iaitu 4 markah bagi soalan pemahaman novel dan 6 markah bagi soalan kajian novel. |

## Petikan Umum

Video Tutorial

Pemahaman Petikan Umum

## KUASAI Nota Pintas

1. Dalam peperiksaan, soalan pemahaman petikan umum dikemukakan sebagai Soalan 6.
2. Sebanyak 12 atau 13 markah diperuntukkan bagi bahagian ini mengikut pecahan yang berikut:
   (a) Soalan (i) – 2 markah
   (b) Soalan (ii) – 3 / 4 markah
   (c) Soalan (iii) – 3 markah
   (d) Soalan (iv) – 4 markah
3. Dua atau tiga bahan atau petikan yang mengutarakan isu yang sama dikemukakan.
4. Terdapat empat ceraian soalan, iaitu:
   Soalan (i) menanyakan maksud rangkai kata yang terdapat dalam petikan.
   Soalan (ii) meminta anda mengemukakan persamaan dan / atau perbezaan tentang sesuatu aspek berdasarkan bahan-bahan yang diberikan
   Soalan (iii) merupakan soalan kemahiran berfikir aras tinggi yang berbentuk pemikiran kritis.
   Soalan (iv) merupakan soalan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) yang berbentuk penyelesaian masalah.
5. Murid dikehendaki menjawab semua soalan yang dikemukakan. Sila baca setiap petikan yang diberikan dengan teliti sebelum menjawab soalan-soalan tersebut.
6. Murid hendaklah menulis jawapan menggunakan ayat sendiri. Ayat-ayat yang dibina hendaklah gramatis, iaitu mengandungi subjek dan predikat serta mematuhi tatabahasa yang betul.

### >> Kesalahan Lazim

1. Murid menyalin ayat yang terdapat dalam petikan bulat-bulat untuk dijadikan jawapan. Setengah markah isi ditolak.
2. Ayat yang dibina tidak gramatis dan terdapat kesalahan dari aspek tatabahasa. Setengah markah ditolak.
4. Bagi soalan memberikan maksud, murid menulis jawapan dalam bentuk huraian atau penjelasan maksud. 0 markah diberikan.
5. Murid menulis jawapan dalam bentuk catatan ringkas. Setengah markah ditolak.
6. Jika jumlah isi tidak mencukupi dengan markah yang diperuntukkan bagi sesuatu soalan, markah diberi berdasarkan jumlah isi yang betul dan tepat sahaja.

## PRAKTIS 1

*Baca* ***Bahan 1*** *dan* ***Bahan 2*** *yang diberikan dengan telitinya. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

### Bahan 1

Kita percaya bahawa adalah lebih wajar diwujudkan bahan khas untuk membolehkan pesakit-pesakit **kronik** mendapat bantuan kewangan. Badan khas ini juga dapat membiayai rawatan segera supaya mereka tidak perlu membuat rayuan kepada orang ramai. Di samping itu, orang ramai atau badan-badan yang ingin menderma dapat menyalurkan sumbangan secara sistematik kepada badan berkenaan supaya dapat disampaikan kepada pesakit kronik yang memerlukan bantuan. Kita percaya bahawa dengan cara ini bantuan akan dapat disalurkan secara lebih tersusun, terhormat, dan tulus.

Pesakit kronik pula tidak perlu memainkan **sentimen** simpati orang ramai melalui media. Dengan cara ini, gagasan masyarakat penyayang akan dapat dilihat lebih adil, proaktif, dan **komprehensif**. Semua penghidap penyakit kronik akan memperoleh manfaat dan bukan hanya pesakit kronik yang mempunyai kedudukan tertentu sahaja. Namun begitu, orang ramai yang ingin menyumbangkan derma secara langsung kepada individu tertentu masih boleh berbuat demikian. Sumbangan mereka ini haruslah digalakkan. Langkah mereka akan mengurangkan beban badan yang dicadangkan supaya badan ini dapat menumpukan perhatian kepada golongan yang tidak berupaya untuk mendapat bantuan daripada pihak lain.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Badan Bantu Pesakit Kronik', *Utusan Malaysia*, Julai 2002

**Bestari Kata**

- **kronik** – berlarutan dan sukar sembuh
- **sentimen** – perasaan yang berlebih-lebihan dan menurutkan kata hati terhadap sesuatu
- **komprehensif** – luas dan lengkap; tuntas

### Bahan 2

Kita sedar bahawa telah wujud banyak **badan** kebajikan dan badan amal baik yang ditubuhkan oleh kerajaan, mahupun yang ditubuhkan oleh orang ramai. Kita harus bersyukur kerana badan-badan ini telah banyak memberikan sumbangan kepada kebajikan rakyat di negara ini. Namun begitu, penubuhannya bertujuan untuk menyelaraskan sumbangan penderma agar lebih berkesan. Kita percaya bahawa lebih banyak anggota masyarakat yang memerlukan bantuan akan mendapat manfaat. Sememangnya kerajaan dan badan-badan amal tidak akan dapat membantu semua orang yang memerlukan bantuan tersebut. Kita berharap agar **penyelarasan** yang berkesan akan mampu memberikan manfaat kepada golongan yang berkenaan seluas-luasnya.

Penubuhan badan ini dapat menentukan keperluan bantuan sebenar pesakit dari segi jenis, kos, dan tempat rawatan. Secara tidak langsung, badan ini dapat memastikan bahawa wang yang disumbangkan itu dimanfaatkan sepenuhnya. Sesungguhnya kewujudan masyarakat penyayang yang mampu *melindungi kebajikan anggotanya yang daif* merupakan salah satu ciri penting sesebuah negara penyayang.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Pesakit Kronik Perlu Dibantu', *Berita Harian*, September 2010

**Bestari Kata**

- **badan** – agensi; pertubuhan
- **penyelarasan** – penyesuaian

KBAT

(iv) Kumpulan anda ditugaskan oleh guru untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti yang dapat mengeratkan persahabatan dengan rakan berbilang kaum di kelas anda.
Cadangkan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di dalam kelas anda itu. KBAT Mengaplikasi
[4 *markah*]

– belajar bersama-sama secara berkumpulan
– bermain dan bersenam bersama-sama
– gotong-royong membersihkan kelas
– makan di kantin bersama-sama
– melibatkan diri dalam acara persembahan pentas

## Petikan Sastera

Video Tutorial
Pemahaman Petikan Sastera dan Novel

### KUASAI Nota Pintas

1. Dalam peperiksaan, soalan pemahaman petikan kesusasteraan dikemukakan sebagai Soalan 7.
2. Sebanyak 12 atau 13 markah diperuntukkan bagi bahagian ini mengikut pecahan yang berikut:
   (a) Soalan (i) – 2 markah
   (b) Soalan (ii) – 3 / 4 markah
   (c) Soalan (iii) – 3 markah
   (d) Soalan (iv) – 4 markah
3. Dua atau tiga bahan atau petikan yang mengutarakan isu yang sama dikemukakan.
4. Terdapat empat ceraian soalan, iaitu:
   Soalan (i) menanyakan maksud rangkai kata yang terdapat dalam petikan.
   Soalan (ii) meminta anda mengemukakan persamaan dan / atau perbezaan tentang sesuatu aspek berdasarkan bahan-bahan yang diberikan.
   Soalan (iii) merupakan soalan kemahiran berfikir aras tinggi yang berbentuk pemikiran kritis.
   Soalan (iv) merupakan soalan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) yang berbentuk penyelesaian masalah.
5. Murid dikehendaki menjawab semua soalan yang dikemukakan. Sila baca setiap petikan yang diberikan dengan telitinya sebelum menjawab soalan-soalan tersebut.
6. Murid hendaklah menulis jawapan menggunakan ayat sendiri. Ayat-ayat yang dibina hendaklah gramatis, iaitu mengandungi subjek dan predikat serta mematuhi tatabahasa yang betul.

### PRAKTIS 1

*Baca bahan-bahan di bawah dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Bahan 1**

PELAKON II: Telah terbukti bahawa wang juga boleh mengawal fikiran dan sekali gus mengawal kuasa, seterusnya mengawal manusia dan dunia.

AZMIR: (*Tiba-tiba mencelah*). Bukan. Ketiga-tiga kamu salah. Kamu bertiga ialah orang-orang yang sesat. (*ARIF dan para pelakon tercengang kehairanan*). Perkara yang penting ialah era **pascaperang** dingin ini, sistem yang prorakyat ialah sistem yang terbaik. Sistem yang **prorakyat** ialah sistem yang dapat mengawal wang, yang dapat mengawal kuasa dan yang dapat mengawal manusia.

**Bestari Kata**
- **pascaperang** – selepas perang
- **prorakyat** – menyebelahi rakyat

KBAT

(iii) Masalah pencemaran sungai di negara kita sejak akhir-akhir ini sering diperkatakan oleh pelbagai pihak

Pada pendapat anda, apakah punca-punca pencemaran sungai terjadi?

KBAT Menilai [4 *markah*]

– pembuangan sampah sarap
– pembuangan bahan kimia dan sisa kilang
– aktiviti pembalakan
– aktiviti pertanian dan penternakan

(iv) Anda memancing ikan di sebatang sungai berhampiran dengan rumah anda. Anda mendapati air sungai itu amat keruh dan berbau busuk. Setelah disiasat, anda mendapati sungai tersebut dipenuhi sampah sarap dan pembuangan sisa toksik.

Sebagai rakyat yang prihatin, bagaimanakah anda dapat membantu menangani masalah pencemaran sungai tersebut? KBAT Mengaplikasi [4 *markah*]

– melaporkan hal itu kepada pihak berkuasa
– memberitahu ketua kampung
– melarang penduduk membuang sampah ke dalam sungai
– mengadakan gotong-royong membersihkan sungai bersama penduduk
– meletakkan papan tanda 'Cintailah Sungai Kita'

# Novel

## KUASAI *Nota Pintas*

1. Dalam peperiksaan, soalan pemahaman novel dikemukakan sebagai Soalan 8.
2. Sebanyak 10 markah diperuntukkan bagi bahagian ini mengikut pecahan yang berikut:
   (a) Soalan (i) – 4 markah
   (b) Soalan (ii) – 6 markah
3. Bagi soalan (i), soalan pemahaman berdasarkan petikan novel yang diambil daripada mana-mana novel tingkatan 4 dan tingkatan 5. Murid dikehendaki untuk menjawab soalan berdasarkan petikan novel tersebut.
4. Jawapan bagi soalan tersebut boleh didapati secara langsung daripada petikan.
5. Bagi soalan (ii,) soalan pemahaman berdasarkan novel tingkatan 4 dan tingkatan 5 yang dikaji oleh murid. Murid haruslah menjawab berdasarkan mana-mana novel tersebut.
6. Murid hendaklah menulis jawapan menggunakan ayat sendiri. Ayat-ayat yang dibina hendaklah gramatis, iaitu mengandungi subjek dan predikat serta mematuhi tatabahasa yang betul.

## PRAKTIS 1

(i) *Baca petikan novel di bawah dengan telitinya, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

> **Bestari Kata**
> - **kalimat** – ayat
> - **tatasusila** – adat sopan santun

"Abah, jangan benarkan! Walau apa-apa pun akan terjadi, biarlah emak di rumah! Sakit emak bukan selalu datang, hanya sesekali sahaja! Kalau emak tak ada, siapa akan menjaga Anggerik?" Mahu sahaja Dahlia meluahkan **kalimat** itu tetapi dirasakan tidak wajar. Nanti dianggap kurang ajar atau tidak mengetahui **tatasusila** budaya. Budaya Melayu melarang keras perbuatan membantah kata-kata orang tua.

Haji Sulaiman kemudian berkata sesuatu dengan begitu perlahan seperti gaya berbisik. Dahlia ingin mendengar tetapi perbualan itu begitu perlahan.

"Kami bawa isteri engkau, ya Embong?" tanya Haji Sulaiman yang sudah berdiri. Begitu juga orang yang dibawa bersama. Embong bangun dan mengangguk lemah.

Dipetik daripada novel 'Songket Berbenang Emas' oleh Khairuddin Ayip,
*Kementerian Pendidikan Malaysia*

Nyatakan sebab-sebab Dahlia tidak mahu meluahkan kalimat yang dianggap tidak wajar kepada bapanya. [4 *markah*]

– khuatir dianggap kurang ajar

– akan dianggap tidak tahu tatasusila budaya Melayu

– ajaran agama Islam dan budaya Melayu melarang perbuatan membantah kata-kata orang tua

(ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut*:

(a) Songket Berbenang Emas, karya Khairuddin Ayip
(b) Tirani, karya Beb Sabariah
(c) Silir Daksina, karya Nizar Parman
(d) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan sebuah novel yang anda kaji, jelaskan elemen-elemen yang anda anggap menarik yang terdapat dalam novel tersebut. [6 *markah*]

Sila rujuk bahagian jawapan

ePlus Peta Konsep
Rumusan

# RUMUSAN

## KUASAI Nota Pintas

1. Dalam peperiksaan, soalan pemahaman rumusan dikemukakan sebagai Soalan 9.
2. Sebanyak 30 markah diperuntukkan bagi bahagian ini.
3. Dalam soalan ini, murid diberikan dua bahan yang sama isu, iaitu petikan dan grafik (pelbagai). Murid dikehendaki membaca bahan-bahan tersebut dengan telitinya, kemudian membuat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan.
4. Rumusan hendaklah mengandungi bahagian pendahuluan, isi-isi tersurat Bahan 1 dan Bahan 2 dan kesimpulan. Murid haruslah mengasingkan setiap perenggan rumusan tersebut.
5. Murid digalakkan untuk menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud asal bahan-bahan yang dikemukakan itu.
6. Agihan markah untuk rumusan adalah seperti yang berikut.
   (a) Isi – 20 markah (Pendahuluan: 2 markah, isi-isi tersurat: 16 markah, dan kesimpulan: 2 markah)
   (b) Bahasa – Maksimum 10 markah
7. Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi yang diperoleh oleh murid. Markah bahasa dinilai dari aspek:
   (a) Kesinambungan isi
   (b) Struktur ayat / tatabahasa
   (c) Kosa kata luas
   (d) Tanda baca dan ejaan
8. Nama khas, kata ganda, kata arah "di" dan "ke", tarikh, angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan, dan gelaran dikira sebagai satu patah perkataan.

### Kesalahan Lazim

Video Tutorial
Cara Mengira Perkataan

1. Aspek isi:
   (a) Pendahuluan
   - Murid hanya menyentuh satu bahan dan mengabaikan bahan lain. [1 markah]
   - Murid menulis lebih daripada satu ayat pendahuluan. [0 markah]
   
   (b) Isi-isi tersurat
   - Murid mencampuradukkan isi-isi bagi kedua-dua bahan / tidak diasingkan. [0 markah]
   - Murid menyalin perkataan demi perkataan atau ayat demi ayat daripada petikan bulat-bulat.
   
   (c) Kesimpulan
   - Murid hanya menyentuh satu bahan dan mengabaikan bahan lain. [1 markah]
   - Murid tidak menggunakan hubung *agar*, *supaya*, *kerana*, dan sebagainya bagi memisahkan dua bahagian ayat kesimpulan. [1 markah]
2. Aspek bahasa:
   - Murid menyalin ayat bulat-bulat walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 patah perkataan. [0 markah]
   - Murid menulis jawapan dalam bentuk catatan ringkas. [Tolak 50% markah]

## PRAKTIS 1

*Baca dan teliti* **setiap bahan** *yang diberikan, kemudian buat satu* **rumusan** *yang panjangnya* **tidak melebihi 120 patah perkataan**. *Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

### Bahan 1

Fenomena siswazah menganggur menjadi mimpi ngeri kepada mereka dan ahli keluarga mereka. Hasrat mendapatkan pekerjaan serta memperoleh pekerjaan dan pendapatan lumayan selepas menamatkan pengajian di menara gading terus **terlebur**. Banyak pihak membuat kajian

mengenai kebolehpasaran siswazah. Hasil kajian menunjukkan bahawa sebahagian besar siswazah berjaya mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas bergraduasi. Namun begitu, masih ada siswazah yang gagal mendapatkan pekerjaan biarpun telah dua tahun menamatkan pengajian. Persoalannya, adakah kadar pengangguran di Malaysia dalam keadaan kritikal? Hakikatnya, tidak. Kerajaan *tidak lepas tangan* untuk menangani masalah ini. Rakyat Malaysia bertuah kerana peluang pekerjaan sentiasa terbuka. Suasana politik yang aman dan ditambah dengan dasar kerajaan yang proaktif, menyediakan pasaran pekerjaan yang berdaya saing.

Banyak peluang pekerjaan dianggap tidak setimpal dengan kelulusan atau taraf pendidikan. Pihak swasta khususnya syarikat **multinasional** amat mementingkan pekerja yang mempunyai kelulusan peringkat profesional yang mampu menjalankan tugas dengan berkesan. Majoriti siswazah sekadar mendapat kelulusan peringkat rendah. Hal ini menyebabkan mereka sukar untuk meyakinkan bakal majikan tentang tahap kemampuan tugas jika diambil bekerja. Kelulusan yang rendah dianggap oleh bakal majikan sebagai sebenarnya tidak lulus. Jadi, siswazah berkenaan tidak layak menjalankan tugas yang tentunya mencabar dan memerlukan tahap pengetahuan dan kemahiran yang tinggi.

Siswazah yang baru lulus dari universiti berdepan dengan dua situasi ketika mendapatkan pekerjaan. Pertamanya, majikan sering memberikan alasan bahawa siswazah tidak mempunyai pengalaman bekerja. Keduanya, jika mereka diterima bekerja, banyak dalam kalangan mereka tidak menunjukkan **prestasi** dan kesungguhan memajukan diri dalam bidang tugas yang dilakukan. Keadaan ini dijadikan alasan oleh majikan untuk tidak mengambil pekerja dalam kalangan mereka yang baru menamatkan pengajian. Banyak jawatan penting dalam syarikat bersaiz sederhana dipegang oleh pekerja berpengalaman biarpun tidak mempunyai kelulusan tinggi. Hal ini bermakna siswazah yang baru tamat pengajian terpaksa bersaing dengan pekerja berpengalaman untuk mengisi jawatan itu.

Disebabkan tidak mampu menghadapi cabaran kerjaya dalam sektor swasta, kebanyakan siswazah berharap untuk menyertai sektor kerajaan sedangkan bilangan jawatan yang ditawarkan amat terhad. Dalam jabatan tertentu, di setiap negeri hanya ada satu jawatan untuk pemegang ijazah.

Oleh hal yang demikian, siswazah perlu berubah kepada bidang yang masih memerlukan banyak pekerja, seperti bidang insurans, jualan langsung, perniagaan, pertanian, dan perikanan. Perkara paling penting ialah kesanggupan bekerja dan membuktikan kemampuan dalam bidang akademik seiring dengan kemampuan sebenar dalam kerjaya.

**Bestari Kata**

- **terlebur** – musnah; jahanam
- **multinasional** – syarikat besar yang beroperasi di beberapa buah negara
- **prestasi** – pencapaian

Dipetik dan diubah suai daripada 'Dilema Siswazah Menganggur'
oleh Lokman Ismail, *Dewan Masyarakat*, Januari 2013

**Bahan 2**




[30 *markah*]

**Pendahuluan:**

Rumusan membincangkan punca siswazah menganggur dan langkah mengatasi pengangguran dalam kalangan siswazah.

**Bahan 1**

**Fokus 1 – Punca siswazah menganggur:**

1. Peluang pekerjaan dianggap tidak setimpal dengan kelulusan atau taraf pendidikan
2. Syarikat swasta mementingkan pekerja yang mempunyai kelulusan peringkat profesional yang mampu menjalankan tugas dengan berkesan
3. Kelulusan siswazah peringkat rendah sukar meyakinkan bakal majikan
4. Majikan memberikan alasan bahawa siswazah tidak mempunyai pengalaman kerja
5. Siswazah yang diterima bekerja tidak menunjukkan prestasi dan kesungguhan memajukan diri dalam bidang tugas yang dilakukan
6. Siswazah terpaksa bersaing dengan pekerja berpengalaman untuk mengisi sesuatu jawatan
7. Bilangan jawatan yang ditawarkan dalam sektor kerajaan amat terhad

**Fokus 2 – Langkah mengatasi pengangguran dalam kalangan siswazah:**

1. Siswazah perlu berubah ke bidang lain, seperti insurans, jualan langsung, perniagaan, pertanian, dan perikanan

ePeta Konsep
Lisan

# LISAN

## Lisan Bertutur

### KUASAI Nota Pintas

| | |
|---|---|
| **Soalan** | Kertas SPM 1103/3 Bahasa Melayu |
| **Kriteria** | • Taksiran Bahagian A (Individu) yang meliputi:<br>(a) 8 set soalan berlainan tema mengikut sesi (murid diberikan 1 set soalan secara rawak)<br>(b) 4 soalan secara lisan (2 soalan pemindahan maklumat serta 2 soalan pendapat peribadi dan ulasan)<br>• Taksiran Bahagian B (Kumpulan) yang meliputi:<br>(a) 8 set soalan berlainan tema mengikut sesi (setiap kumpulan diberikan 1 soalan secara rawak)<br>(b) Jumlah ahli kumpulan antara 3 hingga 5 orang ahli<br>(c) Setiap ahli memberikan idea dan respons berdasarkan set soalan yang diberikan |
| **Markah** | • Bahagian A (Individu) – 40 markah<br>• Bahagian B (Kumpulan) – 30 markah<br>• Jumlah markah keseluruhan – 70 markah |
| **Masa** | • Bahagian A (Individu) – 3 hingga 5 minit<br>• Bahagian B (Kumpulan) – 12 hingga 15 minit |
| **Kaedah Penskoran** | • Individu – Secara analitik<br>• Kumpulan – Secara holistik |
| **Kemahiran yang Dinilai** | • Memahami<br>• Mengaplikasi<br>• Menganalisis<br>• Menilai |

**Panduan Menjawab Soalan Ujian Lisan Bertutur Secara Individu**

1. Murid memakai pakaian sekolah dengan kemas dan lengkap. Hal ini penting sebagai gambaran penampilan diri.
2. Di dalam bilik kuarantin, murid akan diberikan bahan ujian untuk dibaca secara senyap. Baca bahan tersebut dengan telitinya.
3. Murid akan dipanggil secara bergilir-gilir mengikut nombor giliran yang telah ditetapkan masuk ke bilik pentaksiran. Sewaktu masuk ke dalam bilik pentaksiran, duduk dengan selesa dan penuh keyakinan.
4. Dengar arahan pentaksir dengan telitinya.
5. Baca bahan petikan secara mekanis (kuat) mengikut intonasi suara yang sesuai.
6. Selepas selesai membaca petikan, murid akan ditanya empat soalan secara lisan. Kebiasaannya soalan pertama dan kedua melibatkan pemindahan maklumat teks daripada bahan petikan yang dibaca. Murid boleh melihat bahan petikan kembali. Murid hanya perlu menyatakan idea dan bukannya huraian atau contoh petikan.
7. Soalan ketiga dan keempat biasanya melibatkan soalan seperti pendapat, huraikan, jelaskan, dan bincangkan.
8. Murid digalakkan untuk menggunakan bahasa yang gramatis dan penggunaan kosa kata yang tepat.
9. Elakkan menggunakan bahasa slanga atau istilah bahasa Inggeris sewaktu menyampaikan idea jawapan.
10. Murid juga perlu mengemukakan idea yang relevan, matang, dan tepat dengan kehendak soalan.

**Panduan Menjawab Soalan Ujian Lisan Bertutur Secara Kumpulan**

1. Baca arahan soalan atau tema dengan teliti. Berikan perhatian kepada kata kunci seperti *Ulas dan bincangkan*. 'Ulas' merujuk kepada perbuatan mengulas dengan memberikan keterangan dan taksiran tentang sesuatu perkara, manakala 'Bincangkan' pula bermaksud bertukar-tukar pendapat dengan ahli kumpulan mengenai perkara yang penting.
2. Murid digalakkan untuk berbincang dengan ahli lain untuk merangka idea-idea yang dapat digunakan dalam aktiviti berkumpulan.
3. Sesi pertama perbincangan, setiap ahli kumpulan terlibat untuk membentangkan pendapat secara individu.

4. Sesi kedua perbincangan pula melibatkan komunikasi dua hala. Oleh itu, sewaktu ujian berlangsung, murid digalakkan untuk mendengar idea yang disampaikan oleh ahli kumpulan dengan teliti.
5. Murid boleh memberikan galakan kepada ahli lain dengan menyatakan pendapat tambahan atau menyokong idea yang disampaikannya.
6. Beri ruang dan peluang kepada semua ahli kumpulan untuk bercakap.
7. Sekiranya perbincangan terhenti, murid digalakkan untuk membantu ahli-ahli lain untuk mengembangkan idea mereka dengan memberikan idea tambahan atau menyokong idea berkenaan. Tonjolkan sifat kepimpinan dan kesopanan dalam ujian berkumpulan ini.
8. Gunakan gelaran kata nama seperti *saudari* dan *saudara* sekiranya murid ingin menyokong atau menambah pendapat ahli lain.
9. Murid digalakkan untuk menggunakan kata perintah seperti *mohon* atau *silakan* sekiranya murid ingin mencelah atau meminta sokongan daripada ahli lain.
10. Murid digalakkan untuk menggunakan bahasa Melayu standard dan hukum tatabahasa yang betul.

**>> Kesalahan Lazim**

**Sewaktu Ujian Lisan Secara Individu**
1. Murid tidak membaca bahan petikan dengan bacaan yang jelas. Selain itu, murid membaca terlalu pantas sehingga menyukarkan pentaksir memahami sebutan yang dibaca.
2. Murid menggunakan sebutan, intonasi, dan nada yang kurang tepat dan jelas.
3. Murid tidak mendengar dengan telitinya arahan soalan daripada pentaksir sewaktu sesi soal jawab.
4. Murid mengambil masa yang lama untuk memberikan respons kepada setiap soalan pentaksir.

**Sewaktu Ujian Lisan Secara Berkumpulan**
1. Ahli kumpulan gagal mengemukakan idea dan pandangan yang relevan.
2. Pengulangan idea perbincangan yang hampir sama atau berulang antara ahli.
3. Ahli kumpulan tidak mendengar atau memberikan perhatian sewaktu sesi perbincangan berlangsung.
4. Penggunaan bahasa yang tidak beradab sewaktu ahli mencelah pendapat ahli yang lain.
5. Segelintir ahli bersikap memonopoli sesi perbincangan. Ahli kumpulan tersebut tidak memberikan ruang dan peluang kepada ahli lain menyampaikan pendapat.

## Bahagian A Individu

### PRAKTIS 1 Tema: Anda Bersih, Anda Sihat

*Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah ini dengan telitinya. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.*

**PENJAGAAN BUAH PINGGANG**



## Bahagian B Kumpulan

### PRAKTIS 1 Tema: Pelancongan

Malaysia telah dicalonkan antara 10 buah negara yang mempunyai destinasi pelancongan terbaik dunia. Perkara ini tidak dapat dinafikan kerana Malaysia mempunyai pelbagai destinasi pelancongan yang menarik.

Ulaskan pernyataan tersebut.

[30 *markah*]

Sila rujuk bahagian jawapan.

### PRAKTIS 2 Tema: Sejarah dan Warisan

Semua pihak perlu memainkan peranan penting untuk memelihara dan melindungi aset negara yang tidak ternilai untuk tatapan masyarakat dalam dan luar negara serta generasi akan datang.

Bincangkan.

[30 *markah*]

Sila rujuk bahagian jawapan.

# Lisan Mendengar

## KUASAI Nota Pintas

| | |
|---|---|
| **Soalan** | Kertas SPM 1103/4 Bahasa Melayu |
| **Kriteria** | • Antara 4 hingga 6 petikan yang terdiri daripada petikan novel, cerpen, syarahan, iklan, dan puisi akan diperdengarkan kepada murid.<br>• Bilangan keseluruhan soalan adalah 20 hingga 25 soalan dan terdiri daripada soalan objektif dan subjektif.<br>• Murid mesti menjawab semua soalan.<br>• Semua jawapan berdasarkan petikan yang diberikan. |
| **Markah** | • Jumlah markah keseluruhan adalah 30 markah.<br>• Peruntukan markah bagi setiap soalan ditulis di hujung setiap soalan.<br>• Soalan objektif biasanya 1 markah.<br>• Soalan subjektif biasanya 2 markah. |
| **Masa** | • Masa yang diperuntukkan adalah 30 minit.<br>• Murid diberikan masa selama satu minit untuk membaca soalan sebelum petikan diperdengarkan.<br>• Selepas itu, bahan diperdengarkan kepada murid dan diikuti dengan soalan-soalan.<br>• Murid diberikan masa untuk menjawab soalan pada kertas jawapan yang disediakan.<br>• Semasa bahan diperdengarkan semula, murid diberikan masa selama 30 saat untuk menyemak jawapan. |
| **Kaedah Penskoran** | • Dikotomus<br>• Analitik |
| **Kemahiran yang Dinilai** | • Memahami<br>• Mengaplikasi<br>• Menganalisis |

**Panduan Menjawab Soalan**

1. Murid haruslah membaca soalan dalam bahan yang diberikan dengan teliti untuk mengetahui soalan-soalan yang akan diuji.
2. Murid hendaklah mendengar bahan dengan teliti untuk memahaminya.
3. Murid tidak digalakkan untuk menjawab soalan ketika ini agar fokus murid mendengar keseluruhan petikan tidak terganggu.
4. Semasa soalan dikemukakan, barulah murid memilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan tersebut.
5. Jawapan murid mestilah berdasarkan petikan yang diperdengarkan.
6. Sewaktu bahan diperdengarkan sekali lagi, murid harus menyemak jawapan semula, terutama bagi soalan yang kurang jelas.

### Kesalahan Lazim

1. Murid tidak memberikan fokus sepenuhnya semasa bahan dan soalan diperdengarkan, menyebabkan jawapan yang dipilih dan ditulis kurang tepat.
2. Murid gagal menguruskan masa dengan baik. Hal ini menyebabkan mereka tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk menjawab semua soalan.
3. Jawapan murid tidak menggunakan tatabahasa dan kosa kata yang betul.

## PRAKTIS 1 Rencana Kanser Hidung

*Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan rencana yang diperdengarkan.*

Track 7

**1.** Lengkapkan rajah di bawah dengan maklumat berkaitan tanda-tanda kemungkinan seseorang itu mengalami kanser hidung.

**Tanda Kanser Hidung**
- Hidung tersumbat yang tidak pernah hilang
- Perubahan suara
- Keadaan hidung yang sentiasa berdarah
- Kerap mengalami sakit kepala
- Rasa sakit tanpa sebarang sebab pada bahagian muka, telinga, atau di dalam mulut

[2 *markah*]

**2.** Anda disarankan berjumpa dengan doktor bagi mendapatkan pemeriksaan yang menyeluruh . [1 *markah*]

**3.** Kanser hidung merupakan sejenis kanser yang biasanya terjadi di kawasan hidung berikut **kecuali**

**A** sel tisu.
**B** tulang.
**C** saraf.
**D** kulit.

[1 *markah*]

**4.** Isi tempat kosong di bawah dengan penyebab utama seseorang itu mendapat kanser hidung.

**Punca Kanser Hidung**
- Pendedahan kepada bahan kimia industri
- Dijangkiti virus pada bahagian tisu hidung
- Mengambil makanan yang mengandungi bahan pengawet

[2 *markah*]

**5.** Aspek penjagaan makanan mampu mengurangkan peluang seseorang itu menghidap kanser hidung pada masa hadapan. [1 *markah*]